



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

SEMINAR NASIONAL

**PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN
PENDIDIKAN KE-29
INSTITUT AMINUDDIN BAKI**

**TEMA: KEPIMPINAN PENDIDIKAN
PASCAPANDEMIK COVID-19
DALAM MELESTARIKAN KUALITI PENDIDIKAN**

4-6 JULAI 2022

**TEMPAT: INSTITUT AMINUDDIN BAKI
CAWANGAN GENTING HIGHLANDS
DAN SECARA DALAM TALIAN**

DIRASMIKAN OLEH:

YB DATUK DR. RADZI JIDIN
MENTERI KANAN PENDIDIKAN

YGTHO
YAYASAN GURU TUN HUSSEIN OMAR

**YAYASAN
HASANAH**
Sebuah yayasan milik Khazanah Nasional



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

SEMINAR NASIONAL

**PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN
PENDIDIKAN KE-29
INSTITUT AMINUDDIN BAKI**

KEPIMPINAN PENDIDIKAN
PASCAPANDEMIK COVID-19 DALAM
MELESTARIKAN KUALITI PENDIDIKAN

4-6 JULAI 2022

**SEMINAR NASIONAL
PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN KE-29**

Editor:

Mohamad Hanif bin Ramli @ Fauzi
Nor Ishsan binti Ab.Razak
Norhasnida binti Rejab
Zuriah binti Mad Ali
Ng Lee Ching
Norhayati binti Aziz @ Esa
Ruslawati binti Mat Isa

Pengurus:

Norhasnida binti Rejab

Institut Aminuddin Baki

INSTITUT AMINUDDIN BAKI

**SEMINAR NASIONAL
PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN KE-29**



Dirasmikan oleh:

**YB DATUK DR. RADZI JIDIN
MENTERI KANAN PENDIDIKAN**

Kata Alu-Aluan MENTERI KANAN PENDIDIKAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Tahniah dan syabas diucapkan kepada pihak pengurusan dan warga Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di atas kejayaan penganjuran Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan kali ke-29 tahun 2022.

Pemilihan tema “Kepimpinan Pendidikan Pascapandemik COVID-19 dalam Melestarikan Kualiti Pendidikan” bagi penganjuran seminar pada kali ini adalah amat bertepatan dengan keperluan semasa. KPM sentiasa berikhtiar dan berusaha untuk memperkukuh dan meningkatkan kualiti pendidikan negara agar seiring dengan pendidikan di peringkat global. Usaha KPM ini tidak akan membuahkan hasil sekiranya tidak mendapat sokongan daripada pihak berkepentingan, terutama pentadbir di peringkat sekolah yang menjadi pengemudi dan peneraju di 10,227 buah sekolah bawah KPM seluruh negara.

Pandemik COVID-19 antara lain telah memberi kesan yang amat mendalam kepada sistem pendidikan di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Dalam hal ini, peranan pemimpin dalam sesebuah organisasi amat penting untuk mengemudi dan memastikan matlamat yang dihasratkan dapat dicapai melalui pemikiran dan tindakan yang cekap, khususnya dalam menguruskan peroperasian sekolah. Bagi memastikan anak-anak terus mendapat akses kepada pendidikan dalam situasi yang sukar, KPM telah melaksanakan pelbagai pendekatan untuk menyesuaikan kaedah pembelajaran dalam kalangan murid dan guru. Pengajaran dan pembelajaran yang biasanya diadakan secara bersemuka telah digantikan dengan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Pada ketika itu, pembelajaran secara dalam talian menjadi tumpuan, disamping kaedah

pembelajaran secara luar talian yang pelbagai mengikut kesesuaian murid dan guru.

Dalam konteks pendidikan di sekolah, pemimpin atau pentadbir perlu memainkan peranan penting sebagai pemudah cara kepada guru untuk memastikan penyampaian pembelajaran dapat dilaksana dengan lancar melalui pelbagai pendekatan. Di samping itu, kepimpinan pedagogi yang bersinergi juga dapat membantu guru menyampaikan ilmu supaya murid tidak ketinggalan, walaupun tidak berada di dalam bilik darjah fizikal di sekolah seperti kebiasaannya. Bagi meneruskan kelangsungan pendidikan untuk anak-anak kita, para pemimpin dan pentadbir sekolah perlu meningkatkan kecekapan dan sentiasa bersedia menerima perubahan seiring dengan kemajuan semasa.

Pentadbir dan pemimpin juga perlu berupaya mengendalikan sumber-sumber di sekolah, termasuk sumber manusia iaitu guru yang berada di bawah kawal selia masing-masing. Aspek ini adalah amat penting bagi mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan dalam kalangan guru untuk terus menjalankan amanah dan tanggungjawab mendidik anak-anak generasi pewaris negara.

Akhir kata, saya berharap melalui penganjuran seminar ini, semua pemimpin sekolah dan warga pendidik dapat berkongsi pengalaman, ilmu baharu serta amalan terbaik dalam kepimpinan bagi menangani perubahan pascapandemik COVID-19 dan seterusnya. Semoga para pemimpin pendidikan sentiasa berusaha memperkukuh dan memperkasa serta meningkatkan kekuatan jiwa dan minda demi menjulang kecemerlangan pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.

YB DATUK DR. RADZI JIDIN
MENTERI KANAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Kata Alu-Aluan
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya Seminar Nasional (SN) Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-29 anjuran Institut Aminuddin Baki (IAB) dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Penganjuran seminar dengan tema “Kepimpinan Pendidikan Pascapandemik COVID-19 dalam Melestarikan Kualiti Pendidikan” ini membolehkan para pemimpin pendidikan berkongsi pengalaman, ilmu baharu dan amalan terbaik dalam mengurus sesebuah organisasi. Selain itu, jalinan dan jaringan profesional dalam kalangan warga pemimpin juga dapat diperluaskan.

Lanskap pendidikan yang berubah akibat wabak COVID-19 telah menjadikan ICT dan platform digital sebagai ejen penting dalam penyampaian pendidikan. Justeru, pemimpin perlu proaktif dalam merancang, merencanakan tindakan dan membuat keputusan dengan bijaksana dalam mengurus organisasi bagi mengekalkan kecemerlangan institusi yang dipimpin. Pengukuhan kemahiran pengurusan dan kepimpinan melalui Seminar Nasional ini diharap dapat memperkasa kompetensi pemimpin bagi melaksanakan transformasi pendidikan dengan mengadaptasi pendekatan ‘Human Governance’ dalam amalan kepimpinan positif.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Jawatankuasa Pengelola Seminar dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung atas usaha dan komitmen dalam menjayakan penganjuran Seminar Nasional pada tahun ini. Semoga inisiatif dan usaha murni ini dapat menyumbang ke arah kegemilangan pendidikan negara.

DATUK HAJAH ZAMANI BINTI ABDOL HAMID

Kata Alu-Aluan

PENGARAH INSTITUT AMINUDDIN BAKI



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Selamat Sejahtera

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya jua, maka Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-29 dapat dijayakan. Seminar edisi ke-29 dilaksanakan secara hibrid (bersemuka dan dalam talian) menunjukkan kesungguhan warga kerja IAB bagi memastikan program tahunan IAB masih relevan dan memberi impak terhadap pembangunan dan pengukuhan kepimpinan dalam kalangan pemimpin pendidikan khususnya dan warga pendidik amnya.

Seminar Nasional merupakan wacana untuk pemimpin dan pengurus pendidikan mencetuskan idea-idea baharu, merangka tindakan-tindakan pemajuan sekolah berdasarkan perkongsian amalan terbaik dan dapatan terkini yang diketengahkan semasa seminar ini. Terna seminar; Kepimpinan Pendidikan Pascapandemik COVID-19 dalam Melestarikan Kualiti Pendidikan, dipilih sesuai dengan keperluan untuk pemimpin berhadapan dengan proses transisi kepada endemik setelah bergelut dengan cabaran pandemik COVID-19. Seminar kali ini diharap dapat membuka perspektif baharu dan segar kepada pemimpin untuk mengemudi sekolah ke arah yang lebih cemerlang. Hasrat ini selari dengan matlamat KPM untuk melahirkan kepimpinan berprestasi tinggi serta mampu menghadapi cabaran semasa.

Penganjuran seminar secara hibrid pada tahun ini memberi peluang penyertaan yang lebih ramai agar input baharu yang disampaikan dapat disebarluaskan kepada pelbagai peringkat kepimpinan. Pelibatan pembentang tempatan dan luar negara diharap dapat mendorong para pemimpin mengorak langkah untuk terus membangunkan diri, warga organisasi ke arah kecemerlangan organisasi melalui pelbagai pendedahan tentang amalan terbaik yang telah dibuktikan keberkesanannya. Semoga para peserta seminar ini dapat memanfaatkan segala perkongsian selama seminar ini berlangsung bagi meningkatkan profesionalisme kepimpinan sekolah.

DATO' DR. TAJUDDIN MOHD YUNUS

RUMUSAN EKSEKUTIF
SEMINAR NASIONAL KE-29 (SN29)
INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

1. Seiring dengan situasi masa kini, penganjuran SN29 akan dijalankan secara hibrid iaitu bersemuka dan dalam talian bagi terus memberi peluang kepada warga KPM untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik kepimpinan pendidikan serta meluaskan ilmu pengetahuan melalui jalinan dan jaringan profesional dalam keadaan yang terbatas dan penuh cabaran di luar jangkaan. SN29 dilaksanakan di Auditorium IAB Cawangan Genting Highlands.
2. Majlis perasmian pembukaan oleh YB Menteri Kanan Pendidikan Malaysia, dan perasmian penutupan seminar oleh YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.
3. SN29 diisi dengan ucap tama, forum dan pembentangan selari berkaitan kepimpinan dan pengurusan pendidikan melibatkan pengetua, guru besar, pegawai KPM, pensyarah universiti dan pengamal pendidikan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

Perkongsian Ilmu

Tiga pembentang ucap tama telah dirancang seperti butiran yang berikut:

- i. Dr. Nor Hisham bin Ismail (Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM) Tajuk: Sekolahku SEJAHTERA
- ii. Mr. Nick Hutton (Regional Director, Asia-D2L) Tajuk: *Sustaining Quality of Education in the New Normal with Technology*
- iii. Dr. Rizq Muhammad Syazwan (Chief Executive Officer, Rizq Educare) Tajuk: *Online Learning and Pandemic Adaptation: Preparation for the Future*

Forum

Tema forum adalah **Pendigitalan Pendidikan dalam Mendepani COVID-19**. Ahli forum adalah seperti butiran yang berikut:

- i. Datuk Dr. Amin bin Senin (Mantan KPPM);
- ii. Encik Kamal Hisham bin Kamaruddin (Business Development Director Time dotcom Bhd);
- iii. Dr. Ethel Agnes P Valenzuela (Director, SEAMEO Secretariat Bangkok, Thailand).

Sesi Pembentangan Selari

Terdapat tiga sesi pembentangan selari yang mengandungi lima subtema iaitu:

- i. Pengurusan dan Kepimpinan Digital
- ii. Kualiti Pendidikan melalui Kepimpinan Pedagogi
- iii. *Human Governance* dalam Kepimpinan dan Pendidikan
- iv. Pengurusan dan Kepimpinan Menguruskan Ekuiti Pembelajaran
- v. Norma Baharu Pembangunan Profesionalisme Pemimpin dan Guru

Artikel Jurnal dan Buku Prosiding

Tiga artikel terbaik akan diterbitkan dalam Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan IAB dan semua artikel yang dibentangkan akan diterbitkan dalam buku prosiding yang akan diedarkan kepada peserta SN29 setelah tamatnya seminar ini.

KESIMPULAN

SN29 merupakan arena percambahan, perkongsian dan pembugaran ilmu pengetahuan, maklumat, pengalaman dan amalan terbaik dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Pelibatan pemimpin ikonik antarabangsa dan tempatan menyampaikan ucapata daripada pelbagai bidang dalam aktiviti pengisian SN29 dapat memberi perspektif yang lebih luas amnya dalam fokus Kepimpinan Pendidikan Pascapandemik COVID-19. Pembentangan individu dalam SN29 yang berfokus kepada subtema Pengurusan dan Kepimpinan Digital, Kualiti Pendidikan melalui Kepimpinan Pedagogi, Human Governance dalam Kepimpinan dan Pendidikan, Pengurusan dan Kepimpinan Menguruskan Ekuiti Pembelajaran serta Norma Baharu Pembangunan Profesionalisme Pemimpin dan Guru ke arah Melestarikan Kualiti Pendidikan. Oleh itu, diharapkan pengisian SN29 dapat meningkatkan profesionalisme berterusan dalam kalangan pemimpin dan pengurus sekolah dan institusi KPM.

PENGENALAN

Institut Aminuddin Baki (IAB) telah melaksanakan Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan (SN) sebanyak 28 siri mulai tahun 1993 dengan tema berbeza. SN merupakan program tahunan IAB dan dilihat antara identiti yang dibawa oleh IAB kepada warga kepimpinan pendidikan di Malaysia. Pelaksanaan SN ini mendapat sambutan dan permintaan yang tinggi daripada para pemimpin dan pengurus sekolah di Malaysia. SN menjadi sebagai agenda tahunan untuk pemimpin pendidikan berkumpul, berbincang dan berkongsi pengalaman serta amalan terbaik dalam pengurusan dan kepimpinan pendidikan.

SN29 menyediakan landasan kepada pemimpin dan pengurus institusi KPM berkongsi pengetahuan serta amalan untuk membugar dan mengartikulasi ilmu pengurusan dan kepimpinan pendidikan dalam pelbagai konteks. Seminar Nasional siri 1 hingga 25 telah dilaksanakan secara bersemuka di IAB dan SN26 dilaksanakan di Universiti Putra Malaysia. Manakala pada tahun 2020 (SN27) dan 2021 (SN28) telah dilaksanakan secara dalam talian.

Penganjuran SN29 ini juga selaras dengan Pelan Induk Kecemerlangan Institut Aminuddin Baki (PIK IAB) 2022-2026. IAB sebagai sebuah institusi latihan pengurusan dan kepimpinan pendidikan diberi mandat untuk membangunkan keupayaan pengurus dan pemimpin pendidikan di semua peringkat KPM bagi menghasilkan organisasi pendidikan yang berkualiti selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi negara maju mengikut acuan sendiri. Pengurusan Tertinggi IAB pada 27 September 2021 telah bersetuju supaya SN29 dilaksanakan secara hibrid pada tahun 2022 sebagai medan wacana pemimpin dan pengurus pendidikan untuk mencetus idea dan berkongsi pengalaman bagi melahirkan pemimpin masa hadapan yang mampu memanfaatkan perubahan.

SN29 berfokus kepada pemimpin pendidikan yang berkeupayaan melestarikan kualiti pendidikan pascapandemik COVID-19 adalah pemimpin masa kini yang dinamik serta bertindak seiring dengan keperluan masa dan cabaran mendatang. Ringkasnya, pemimpin pendidikan yang berkeupayaan melestarikan kualiti pendidikan pascapandemik COVID-19 adalah pemimpin masa kini yang boleh bertindak dan membuat keputusan pantas serta fleksibel yang mempunyai pemikiran dan ciri-ciri kepimpinan digital. Usaha ini adalah selari dengan keperluan dan situasi masa kini dalam mendepani pandemik COVID-19 yang tanpa sempadan dan cabaran di luar jangkaan.

SN29 merupakan satu landasan kepada pemimpin dan pengurus bersidang dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman untuk meningkatkan kefahaman dan membugarkan ilmu kepimpinan dan pengurusan pendidikan selari dengan Anjakan 5: memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah dan Anjakan 6: mengupaya jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, KPM. Kepimpinan merupakan faktor penting yang membolehkan anjakan ini dicapai walau apa pun cabaran yang dihadapi.

Matlamat Pembangunan Lestari 4: Pendidikan 2030 (SDG 4: Education 2030) turut memfokuskan kepada pembangunan pendidikan khususnya Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDGs) bagi membantu kesejahteraan masyarakat dan pertumbuhan ekonomi. Hasrat ini mampu dicapai melalui pemimpin masa hadapan yang memanfaatkan perubahan bagi memacu pendidikan sesuai dengan keperluan semasa dan masa hadapan. SN29 adalah medan bagi pemimpin dan pengurus sekolah KPM berbincang mengenai perspektif dalam mengurus ekuiti pembelajaran dalam kalangan murid-murid semasa pandemik COVID-19. Penyelesaian ini

melibatkan semua lapisan masyarakat dan pembangunan lestari, diterajui oleh kepimpinan yang berfikiran futuristik dan jauh ke hadapan bagi mendepani perubahan yang pelbagai.

Seminar ini menjadi wahana untuk pemimpin dan pengurus pendidikan memahami, memperhalusi dan memanfaatkan pelbagai perubahan dalam usaha memperkemarkan diri mereka dengan aspek kemanusiaan seperti pengurusan insaniah, nilai murni dan amalan positif (Human Governance) bagi menjadi pemimpin masa hadapan yang mampu menghadapi cabaran luar jangkaan seperti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR), ekuiti pembelajaran dan penggunaan teknologi dalam pendidikan dalam era pandemik/endemik.

Berikutan penularan pandemik ini, pendidikan kini menyaksikan PdP “*chalk and talk*” (secara fizikal) beralih kepada “*click and talk*” (alam maya). Pemimpin pendidikan yang tangkas (agile leadership) perlu merancang serta mengambil tindakan proaktif dengan membuat pelbagai kajian, mengumpul data yang berkaitan agar dapat merangka serta meramal dengan baik tentang perubahan yang perlu dilakukan pada masa kini selaras dengan endemik.

OBJEKTIF

Objektif utama penganjuran SN29 seperti yang berikut:

- menyediakan landasan kepada pemimpin dan pengurus organisasi bersidang dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman mengenai pengurusan dan kepimpinan digital;
- memberi peluang kepada peserta berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam kepimpinan pedagogi;
- melestarikan *human governance* dalam kepimpinan dan pendidikan;
- berkongsi idea dan amalan terbaik mengenai pengurusan ekuiti pembelajaran; dan
- menyediakan ruang untuk memperkukuh pembangunan profesionalisme pemimpin institusi pendidikan dalam menghadapi cabaran masa kini.

Tema

Kepimpinan Pendidikan Pascapandemik COVID-19 dalam Melestarikan Kualiti Pendidikan

Subtema

1. Pengurusan dan Kepimpinan Digital
2. Kualiti Pendidikan melalui Kepimpinan Pedagogi
3. *Human Governance* dalam Kepimpinan dan Pendidikan
4. Pengurusan dan Kepimpinan Menguruskan Ekuiti Pembelajaran
5. Norma Baharu Pembangunan Profesionalisme Pemimpin dan Guru

**ATUR CARA MAJLIS PERASMIAN
SEMINAR NASIONAL PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN KE-29
INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Tarikh: 4 Julai 2022 (Isnin)**

MASA	ATUR CARA
10.00 pagi	• Ketibaan tetamu jemputan
10.15 pagi	• Ketibaan YBrs. Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme)
10.30 pagi	• Ketibaan YB Datuk Dr. Radzi Jidin Menteri Kanan Pendidikan Malaysia • Lawatan ke pameran
11.00 pagi	• Nyanyian Lagu Negaraku • Nyanyian Lagu Negeri Pahang • Bacaan Doa • Ucapan Perasmian Majlis Seminar Nasional YB Datuk Dr. Radzi Jidin Menteri Kanan Pendidikan • Tayangan Montaj • Sesi Fotografi
12.30 tengah hari	• Merarau • Bersurai

**ATUR CARA MAJLIS PENUTUPAN
SEMINAR NASIONAL PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN KE-29
INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Tarikh: 6 Julai 2022 (Rabu)**

MASA	ATUR CARA
11.40 pagi	• Ketibaan tetamu jemputan
11.50 pagi	• Ketibaan YBhg. Datuk Hajah Nor Zamani binti Abdol Hamid Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
12.00 tengah hari	• Nyanyian Lagu Negaraku • Nyanyian Lagu Negeri Pahang • Bacaan Doa • Ucapan Alu-aluan dan Rumusan Seminar YBhg. Dato' Dr. Hj. Tajuddin bin Mohd Yunus Pengarah Institut Aminuddin Baki • Menyelusuri Peristiwa SN29 • Ucapan Penutupan YBhg. Datuk Hajah Nor Zamani binti Abdol Hamid Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia • Sesi Fotografi
1.00 tengah hari	• Merarau • Bersurai

**JADUAL SEMINAR NASIONAL
PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN KE-29
BERSEMUKA DAN SECARA DALAM TALIAN (ONLINE)**

TARIKH	MASA	PERKARA
4 Julai 2022 (Isnin)	8.30 – 10.00 pg.	Ucaptama 1 Dr. Ahmad Rafee bin Che Kassim Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Sektor Pembangunan Profesionalisme Norma Baharu Pembangunan Profesionalisme Pemimpin dan Guru
	10.00 – 10.30 pg.	Perkongsian Ilmu 1 Dr. Nor Hisham bin Ismail Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia Sekolahku SEJAHTERA
	10.30 – 11.00 pg.	Minum Pagi
	11:00 pg. – 1:00 tgh.	Majlis Perasmian Pembukaan Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Ke-29 YB Datuk Dr. Radzi Jidin Menteri Kanan Pendidikan
	1:00 tgh. – 2:30 ptg.	Makan tengah hari
	2:30 – 4:30 ptg.	Pembentangan Selari 1
	4:30 – 5:30 ptg.	Minum Petang
	6:30 – 8:00 mlm.	Makan Malam

TARIKH	MASA	PERKARA
5 Julai 2022 (Selasa)	8:30 – 9.15 pg.	Ucaptama 2 Dr. Aija Rinkinen Senior Education Specialist Malaysia Representative of World Bank <i>Creativity and Agility As A Digital Leaders</i> (Rakaman)
	9.15 – 10.00 pg.	Perkongsian Ilmu 2 Nick Hutton Regional Director Asia-D2L <i>Sustaining Quality of Education in the New Normal with Technology</i>
	10.00 – 10.30 pg.	Perkongsian Ilmu 3 Dr. Rizq Muhammad Syazwan Chief Executive Officer Rizq Educare <i>Online Learning and Pandemic Adaptation: Preparation for the Future</i>
	10:30 – 11:00 pg.	Minum Pagi
	11:00 pg. – 1:00 tgh.	Pembentangan Selari 2
	1:00 tgh. – 2:30 ptg.	Makan tengah hari
	2:30 – 4:30 ptg.	Pembentangan Selari 3
	4:30 – 5:30 ptg.	Minum Petang
	6:30 – 8:00 mlm.	Makan Malam

TARIKH	MASA	PERKARA
6 Julai 2022 (Rabu)	8:30 – 10:00 pg.	Forum Datuk Dr. Amin bin Senin Mantan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia En. Kamal Hisham bin Kamaruddin Business Development Director Time dotcom Bhd. Dr. Ethel Agnes P Valensuela Director SEAMEO Secretariat <i>Digitalization of Education in the Face of COVID-19</i>
	10:00 – 10:30 pg.	Minum Pagi
	10:30 – 11:45 pg.	Ucaptama 3 Prof. E Ramganesesh Department of Educational Technology, School of Education, Bharathidasan University, Tamil Nadu, India <i>The Potential of Educational Technology to Cultivate Effective Learning</i>
	12.00 – 1.00 tgh.	Majlis Perasmian Penutupan Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Ke-29 YBhg. Datuk Hajah Nor Zamani binti Abdol Hamid Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
	1:00 tgh. – 2:30 ptg.	Makan tengah hari dan bersurai

JADUAL PEMBENTANGAN SELARI

SEMINAR NASIONAL PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN KE-29

SESI 1

TARIKH: 4 JULAI 2022

MASA: 2.30-4.30 PM

BILIK	MASA	NAMA PEMBENTANG	TAJUK	JENIS PEMBENTANGAN
BILIK A (L412)	2.30-2.50 PM	DR. AHMAD KAMAL BIN ARIFFIN	PROLEGOMENA <i>HUMAN GOVERNANCE</i> DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN PASCAPANDEMIK	BERSEMUKA
	2.50-3.10 PM	DR. MAT RAHIMI YUSOF	PANDEMIK COVID-19 MERINTIS GAYA BAHARU KEPIMPINAN PEMIMPIN SEKOLAH	BERSEMUKA
	3.10-3.30 PM	SUHAIMI SAIDIN	KESILAPAN PENTABIR DALAM PENGURUSAN PIBG	DALAM TALIAN
	3.30-3.50 PM	DR. KALIDASS A/L MACHAPPAN	<i>ISTE STANDARDS AMONG SCHOOL ADMINISTRATORS ON TECHNOLOGY MANAGEMENT AND INSTRUCTIONAL TECHNOLOGY</i>	BERSEMUKA
	3.50-4.10 PM	DR. MOHAMAD NIZAM BIN ARSHAD	PENGUASAAN KEMAHIRAN ALGEBRA MELALUI PENDEKATAN REAL-CALCULATE BAGI MATAPELAJARAN MATEMATIK MENENGAH RENDAH	BERSEMUKA
	4.10-4.30 PM	NOOR AKMAR BINTI JAIS@ MAT JAIH	PEMBELAJARAN HIBRID: ALTERNATIF PEMBELAJARAN ABAD KE-21	BERSEMUKA
BILIK B (L415)	2.30-2.50 PM	PROF. MADYA DR. MOHD YUSRI IBRAHIM	FENOMENA GURU BERSARA AWAL PASCAPANDEMIK COVID-19: FAKTOR DAN PERANAN PEMIMPIN SEKOLAH	BERSEMUKA
	2.50-3.10 PM	NAZARUDDIN BIN ABDUL HADI	KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL PENGETUA DAN PENGARUHNYA TERHADAP PELAKSANAAN PENDIDIKAN STEM	BERSEMUKA
	3.10-3.30 PM	DR. MOHD JIM BIN HAMZAH	PENGURUSAN SISTEMATIK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH SEMASA ERA PANDEMIK	BERSEMUKA
	3.30-3.50 PM	NORWATI BINTI MUHAMAD & NORLIZA BINTI KAMARUDDIN	<i>DASHBOARD SKPMg2: CARA MUDAH MERANGKAI TITIK-TITIK DALAM PENGURUSAN SEKOLAH</i>	BERSEMUKA
	3.50-4.10 PM	NORHAIZA BINTI TAHIR	TMS GOOGLE SITE: PLATFORM DIGITAL PENYEDIAAN DATA EFEKTIF	BERSEMUKA
	4.10-4.30 PM	DR. LING SONG KAI	PERSEPSI SEKOLAH TENTANG LATIHAN MODUL TS25 SECARA DELIMa DI SARAWAK	BERSEMUKA
BILIK C (L418)	2.30-2.50 PM	DR. SUHAILI BINTI MOHD YUSOFF	MODEL KEPIMPINAN KONTEKSTUAL PENGETUA DALAM KONTEKS MALAYSIA (MODEL MyCLIPS)	BERSEMUKA
	2.50-3.10 PM	ZAHARAH BINTI HASHIM	AMALAN TERBAIK SAHSIAH TOKEN DIGITAL NILAI MURNI MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH	BERSEMUKA

BILIK	MASA	NAMA PEMBENTANG	TAJUK	JENIS PEMBENTANGAN
	3.10-3.30 PM	MIRIANI BINTI PAIDAL	KEPIMPINAN TRANSFORMASI PENGETUA DALAM PENGURUSAN PENGINTEGRASIAN TEKNOLOGI ICT GURU DAN DAMPAK KESEDIAAN GURU DALAM BILIK DARJAH ABAD KE-21.	DALAM TALIAN
	3.30-3.50 PM	WIRDA BT NAWAWI @ MOHAMED NAWAWI	AMALAN KEPEMIMPINAN DAN KEPIMPINAN TEKNOLOGI PENGETUA SERTA PENGARUHNYA TERHADAP PENGINTEGRASIAN TEKNOLOGI DI SEKOLAH: SATU KAJIAN RINTIS	BERSEMUKA
	3.50-4.10 PM	DR. NAZERI BIN MOHAMMAD	INISIATIF KEPEMIMPINAN INSANIAH UNTUK MEMACU KECEMERLANGAN SEKOLAH	BERSEMUKA
	4.10-4.30 PM	ISSMA IZZAILI BINTI ZAMRI	KEPIMPINAN HIBRID DALAM PENDIDIKAN: CABARAN MASA AKAN DATANG?	BERSEMUKA

SESI 2

TARIKH: 5 JULAI 2022
MASA: 11.00 AM-1.00 PM

BILIK	MASA	NAMA PEMBENTANG	TAJUK	JENIS PEMBENTANGAN
BILIK A (L412)	11.00-11.20 AM	ZATUN NAJAHAH BINTI SAARI	MODEL KEPIMPINAN SILANG BUDAYA SEKOLAH DI MALAYSIA: ANALISIS KEPERLUAN	BERSEMUKA
	11.20-11.40 AM	ZURINA BINTI MUSTAFFA	KEPIMPINAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM PASCAPANDEMIK: ANALISIS KITAB ADAB AL-MU'ALLIMIN DALAM PENGHASILAN MODEL PEDAGOGI TERBEZA	BERSEMUKA
	11.40 AM-12.00 PM	DR. HAMIDON BIN A. RAHMAN	<i>WHAT DRIVE LEADERS? A CASE STUDY ON MOTIVATIONAL FACTORS OF A SCHOOL PRINCIPAL</i>	BERSEMUKA
	12.00-12.20 PM	MOHD IRWAN BIN ABDUL AZIZ	PENGUNAAN KAEDAH PERMAINAN E-15 TERHADAP MURID TINGKATAN 2 TUN KUDU BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENINGAT PERANTI-PERANTI ELEKTRONIK	BERSEMUKA
	12.20-12.40 PM	VALERIE SINTI	BIASAKAN YANG BAHARU: MENEROKA AMALAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL MAYA PEMIMPIN SEKOLAH SEMASA PANDEMIK COVID-19	DALAM TALIAN
	12.40-1.00 PM	DR. MOHAMAD NIZAM BIN ARSHAD	PEMIMPIN PENDIDIKAN: PERANAN DAN CABARAN KEPIMPINAN BAGI MEMASTIKAN MATLAMAT PENDIDIKAN DISEPADUKAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19	BERSEMUKA
BILIK B (L415)	11.00-11.20 AM	DR. NITCE ISA MEDINA BINTI MACHMUDI ISA	AMALAN TERBAIK KEPIMPINAN GURU BESAR SEKOLAH KURANG MURID DI NEGERI PERAK	BERSEMUKA
	11.20-11.40 AM	ROBIT BIN YUSIE FUS HAN	AMALAN KEPIMPINAN DIGITAL PEMIMPIN SEKOLAH DI SEKOLAH BANDAR NEGERI SABAH	DALAM TALIAN

BILIK	MASA	NAMA PEMBENTANG	TAJUK	JENIS PEMBENTANGAN
	11.40 AM-12.00 PM	DATIN HAJAH HALIZA BINTI HUSSIN	KEBERKESANAN SISTEM E-TRACE11ONE DALAM PENGURUSAN HAL EHWAL MURID SMK PUTRAJAYA PRESINT 11(1)	BERSEMUKA
	12.00-12.20 PM	THILLAI KUMAR A/L PATHATALI	VDO 2.0: E-BUKU PENGHASILAN VIDEO PDPC	DALAM TALIAN
	12.20-12.40 PM	MOHD NOTFI BIN IBRAHIM	PENGARUH AMALAN KEPIMPINAN DISTRIBUTIF TERHADAP KOMPETENSI KERJA GURU	BERSEMUKA
BILIK C (L418)	11.00-11.20 AM	DR. NURUL FATNI BINTI ABDUSSYUKUR	In-ApDIGITAL: INTEGRASI APLIKASI DIGITAL MENINGKATKAN KEEFISIENAN PROSES MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN UNIVERSITI LUAR NEGERA TERHADAP PROGRAM MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA	BERSEMUKA
	11.20-11.40 AM	THILAGAM A/P GURUSAMY	IMPAK AMALAN KEPIMPINAN AUTENTIK MELALUI DIMENSI KESEDARAN KENDIRI DAN KETELUSAN PERHUBUNGAN PENGETUA KETIKA KRISIS PANDEMIK COVID-19	BERSEMUKA
	11.40 AM-12.00 PM	SHAMSUL BIN MOHAMED YUSAK	KEBERKESANAN AMALAN KEPIMPINAN MORAL GURU BESAR DALAM MEMBINA KOMUNITI SEKOLAH	BERSEMUKA
	12.00-12.20 PM	ZAIAZMAN BIN MOHD ZAINUDDIN@HILMI	MODEL BIMBINGAN FASIH SEGMENTATION MATRIX	BERSEMUKA
	12.20-12.40 PM	MOHAMMAD ZAINUDDIN BIN MAT ZAID	KELESTARIAN KEPIMPINAN AUTENTIK GURU BESAR TERHADAP KEPUASAN KERJA GURU PASCAPANDEMIK COVID-19	BERSEMUKA
	12.40-1.00 PM	DR. WAN ROSMINI BINTI HASSAN	DIGITAL LEADERSHIP BY MALAYSIAN SCHOOL PRONCIPLAS DURING THE COVID-19 PANDEMIC	BERSEMUKA

SESI 3

TARIKH: 5 JULAI 2022

MASA: 2.30-4.30 PM

BILIK	MASA	NAMA PEMBENTANG	TAJUK	JENIS PEMBENTANGAN
BILIK A (L412)	2.30-2.50 PM	MAZNAH BINTI ZAINI	TEKNOLOGI PENDIGITALAN MEMACU KECEMERLANGAN PENGURUSAN SEKOLAH DAN KEPIMPINAN DISTRIBUTIF: APLIKASI MySG@TTDIJ	BERSEMUKA
	2.50-3.10 PM	NORMAH BINTI KARMANI	HUBUNGAN DI ANTARA KOMITMEN ORGANISASI, ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN DAN KEBERKESANAN LATIHAN: MENANGANI PERUBAHAN NORMA BAHARU	BERSEMUKA
	3.10-3.30 PM	AZIAH BINTI SAMICHAN	BAGAIMANA ACUAN BEGITULAH KUIHNYA: SATU PANDANGAN DARI SUDUT HUMAN GOVERNANCE UNTUK KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL	BERSEMUKA

BILIK	MASA	NAMA PEMBENTANG	TAJUK	JENIS PEMBENTANGAN
	3.30-3.50 PM	DR. MAS NORBANY BINTI ABU SAMAH	VUCA DAN PESTEL MENANGANI ISU DALAM PENGURUSAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DI IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL	DALAM TALIAN
	3.50-4.10 PM	ONG LI CHOO & DR. ZALINA BINTI MOHD TAHIR	EKUITI DAN KUALITI PEMBELAJARAN via PeKka#BM	BERSEMUKA
	4.10-4.30 PM	AMINUDDIN BIN ISMAIL	TAHAP KEPIMPINAN TRANSFORMASIONAL GURU BESAR DI SEKOLAH KURANG MURID	DALAM TALIAN
BILIK B (L415)	2.30-2.50 PM	NUR AZEYATY BINTI ABDUL RAHIM	PENGUNAAN KIT SMART WUDUK 2.0 MOBILE GAMES DALAM MENINGKATKAN PENGAJARAN RUKUN WUDUK TERHADAP MURID TAHUN 1	BERSEMUKA
	2.50-3.10 PM	DR. NORHANA BINTI BAKHARY & MEGAT AFFANDI BIN DATUK WIRA HJ. ISMAIL	PERANAN KEPIMPINAN SEKOLAH DALAM MELESTARIKAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DI DAERAH KUALA PILAH	BERSEMUKA
	3.10-3.30 PM	JESSICA EDWARD	KEPIMPINAN DIGITAL GURU BESAR DAN HUBUNGANNYA TERHADAP EFIKASI KENDIRI GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KOTA BELUD	DALAM TALIAN
	3.30-3.50 PM	MOHAMAD JALIL BIN MOHAMAD YUNUS	APLIKASI GOOGLE SITE MEMUDAHKAN SISTEM PENGURUSAN KAUNTER	BERSEMUKA
	3.50-4.10 PM	SITI AISHAH AZIZ	PENGURUSAN PENDIGITALAN PEMANGKIN KEMANTAPAN DAN KUALITI KUNJUNG BIMBING DAN SOKONGAN DI DAERAH SEPANG	BERSEMUKA
BILIK C (L418)	2.30-2.50 PM	DR. JAMELAA BIBI BINTI ABDULLAH	PULANGAN PELABURAN KEPIMPINAN PENGETUA PROGRAM INTERVENSI PELONJAKAN KEPIMPINAN SEKOLAH (InPeKS) KOHORT 2017	BERSEMUKA
	2.50-3.10 PM	NAZARUDDIN BIN ZAKARIA	PENGUNAAN APLIKASI DATA STUDIO DALAM PENGURUSAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU KOLEJ MATRIKULASI LABUAN SEMASA TEMPOH PKP	BERSEMUKA
	3.10-3.30 PM	DR. MOHAMAD NIZAM BIN ARSHAD	STRATEGI PANITIA DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN DALAM MATEMATIK TAMBAHAN MELALUI MODEL DIMENSI PEMBELAJARAN MARZANO DALAM TEMPOH PKP	BERSEMUKA
	3.30-3.50 PM	DR. LAIMAH SUNGAP	EKUITI PEMBELAJARAN 3 BUAH SEKOLAH MENENGAH PEDALAMAN KENINGAU DENGAN MENGGUNAKAN ASM (ACADEMIC STRATEGIC MAPPING)	DALAM TALIAN
	3.50-4.10 PM	DR. NIK JAZWIRI BIN JOHANNIS	MENILAI TAHAP KOMPETENSI PENDIDIKAN LUAR GPK KOKURIKULUM: 'WAY FOWARD' PEMANTAPAN PENGURUSAN PENDIDIKAN LUAR FASA ENDEMIK COVID-19	BERSEMUKA

**PROLEGOMENA *HUMAN GOVERNANCE*
DALAM KEPIMPINAN PENDIDIKAN PASCAPANDEMIK**

Ahmad Kamal bin Ariffin, PhD
Mohamad Hanif bin Ramli
Institut Aminuddin Baki
ahmadkamal@iab.moe.gov.my

ABSTRAK

Peranan pengetua dan guru besar selaku pemimpin pendidikan dalam suasana pascapandemik menuntut kemahiran *Human Governance* yang tinggi. Ia penting bagi menjadikan sekolah sebagai kilang pengeluaran modal insan terbaik buat pengalihan pemimpin masa depan yang mapan dari segi pemikiran, kepercayaan, pandangan alam dan haluan kerjayanya. Perjuangan Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha melahirkan pemimpin pendidikan yang profesional dan cemerlang dari segi *Human Governance* menjadi suatu prolegomena bagi menjana budaya kerja kepimpinan pendidikan yang cemerlang, bersifat berterusan dan berkesinambungan. Khususnya dalam memperkasa ekosistem baharu dalam suasana endemik negara, bermula 1 April 2022. Manakala pihak pemimpin sekolah yang mengabaikan elemen *Human Governance* yang menekankan nilai kesatuan, keutuhan dan kecemerlangan di dalam kepemimpinannya, boleh mendatangkan pelbagai masalah misalnya dalam aspek mengurus, mentadbir dan memupuk amalan *Human Governance* yang menjadi pemangkin ke arah keutuhan daya berfikir ber wawasan, kemahiran instruksional bertaraf dunia, sumber operasi berkelas pertama dan memiliki daya jaringan dan jalinan yang hebat.

Kata kunci: *Human Governance, Kesatuan, Keutuhan dan Kecemerlangan*

BAGAIMANA ACUAN BEGITULAH KUIHNYA: SATU PANDANGAN DARI SUDUT *HUMAN GOVERNANCE* UNTUK KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL

Aziah Samichan
Jamal @ Nordin Yunus, PhD
Marinah Awang, PhD
Universiti Pendidikan Sultan Idris
azisamichan@gmail.com

Mat Rahimi Yusof, PhD
Universiti Utara Malaysia

Sukor Beram, PhD
Kolej Matrikulasi Perak

Dayang Rafidah Syariff M. Fuad, PhD
IPG Kampus Keningau

Abstrak

Orientasi pendidikan di Malaysia bermatlamat untuk melahirkan insan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Aspek intelek yang sering dikaitkan dengan kecemerlangan akademik lazimnya mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemimpin yang mengamalkan kepemimpinan instruksional. Walau bagaimanapun, sejauh manakah pemimpin masa kini mengaplikasikan konsep *Human Governance* (Tadbir Urus Insan) dalam aktiviti intruksional mereka dalam mencapai matlamat organisasi. Adakah tuntutan untuk mencapai misi dan visi mengorbankan nilai hubungan sesama manusia sehingga memberi kesan kepada organisasi? Justeru, artikel berbentuk kertas konsep ini akan membincangkan berkaitan isu-isu pelaksanaan kepemimpinan instruksional yang mempunyai hubungan dengan *Human Governance* serta model-model dan dokumen rujukan yang menunjukkan perlunya konsep ini diamalkan. Hasil analisis literatur menggunakan kaedah analisis dokumen membuktikan bahawa kepemimpinan yang disulami dengan *Human Governance* yang tinggi mampu memberi impak kepada budaya kepengikutan seterusnya memberi impak positif kepada organisasi. Malah dapatan ini boleh dijadikan nilai tambah kepada amalan instruksional sedia ada agar pemimpin dan subordinat dilihat saling melengkapi.

Kata kunci: *kepemimpinan instruksional; human governance; tadbir urus insan; PPPM, Falsafah Pendidikan Kebangsaan*

KEBERKESANAN SISTEM E-TRACE11ONE DALAM PENGURUSAN HAL EHWAL MURID SMK PUTRAJAYA PRESINT 11(1)

Haliza binti Husin
SMK Putrajaya Presint 11(1), Putrajaya
wea2004@moe.edu.my

Abstrak

Aplikasi E-Trace11One adalah satu intervensi yang telah dibangunkan secara dalaman selaras dengan 9 anjakan murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. Salah satu faktor kemenjadian murid adalah kehadiran murid ke sekolah mengikut jadual yang telah ditetapkan sepertimana arahan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP) dan pihak sekolah sendiri. Pengetua seharusnya menggunakan *data driven decision making* dalam melihat isu-isu yang perlu ditangani. Di samping pelaksanaan kajian tindakan dan inovasi serta intervensi yang bersesuaian. Dalam kita mengharungi pandemik COVID-19, PdPR merupakan medium utama pembelajaran murid, mengenal pasti satu isu utama yang dihadapi oleh pihak sekolah di mana data kehadiran murid dalam PdPR diperolehi menggunakan Whatsapp, telegram dan Google form adalah tidak sistematik yang menyukarkan pihak sekolah membuat pengumpulan rekod kehadiran murid. Rekod tidak boleh dianalisis untuk tindakan pengesanan dan penambahbaikan oleh pihak pentadbiran sekolah. Dengan inovasi yang telah dibangunkan menggunakan Aplikasi E-Trace11One, data kehadiran murid dalam PdPR telah dapat diperolehi secara cepat, tepat dan berkesan. Ianya bermula pada bulan Julai 2021. Analisis dibuat secara bulanan dan pihak sekolah mengumumkan nama-nama murid yang hadir 100% minggu pertama bulan berikutnya. Dengan penggunaan aplikasi E-Trace11One, pihak pentadbir dan guru-guru telah dapat menangani isu ketidakhadiran murid dalam PdPR. Aplikasi E-trace11One, menghendaki kedua-dua pihak, murid dan guru bertanggungjawab untuk mengisi kehadiran. Aplikasi ini akan merekodkan kehadiran murid merangkumi pelibatan murid dalam PdPR, maklumat pembelajaran, kehadiran dan juga interaksi semasa mengikuti PdPR. Satu kajian yang wajar dilaksanakan bagi penambahbaikan aplikasi berkenaan atau ditamatkan penggunaannya selepas dapatan kajian diperolehi. Kajian ini telah dilaksanakan melalui kutipan data-data E-trace, temu bual berstruktur, kertas soal selidik (google form) dan juga pemerhatian. Hasil kajian mendapati penggunaan aplikasi E-Trace11One dapat membantu pentadbir sekolah, khasnya pengurusan Hal Ehwal Murid secara berkesan dalam menangani isu kehadiran PdPR murid. Dapatan dari penggunaan Aplikasi E-Trace11One telah menunjukkan impak positif bagi kehadiran dan pelibatan murid dalam PdPR. Berlaku lonjakan peningkatan dari 60% ke 80% kehadiran murid bagi bulan Julai dan Ogos tahun ini. Harapan kami, ianya akan terus melonjak naik dengan pengumuman, hadiah dan sijil yang akan diberikan kepada murid-murid. Harapan pengetua, untuk menyebarkan Aplikasi E-Trace11One ke bidang lain seperti kurikulum dan kokurikulum serta ke sekolah-sekolah lain, khasnya di Putrajaya.

Kata kunci: Inovasi, Aplikasi, Sistematik, Cepat, Tepat, Berkesan

PANDEMIK COVID-19 MERINTIS GAYA BAHARU KEPIMPINAN PEMIMPIN SEKOLAH

Mat Rahimi Yusof, PhD

Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia
mrahimiy@uum.edu.my

Mohd Yusri Ibrahim, PhD

Pusat Pendidikan Asas & Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu

Dayang Rafidah Syariff M. Fuad

IPG Kampus Keningau

Aziah Samichan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Mohammad Zainuddin Mat Zaid

SK Beladai Kolam, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

Abstrak

Pandemik COVID-19 telah merintis gaya baharu kepimpinan pemimpin sekolah di Malaysia. Pengintegrasian teknologi digital dalam praktik kepimpinan tetap sehati dengan pemimpin sekolah walaupun negara sudah memasuki era pascapandemik. Justeru, kajian reka bentuk campuran ini (kualitatif dan kuantitatif) secara umumnya bertujuan untuk meneroka dan mengenal pasti konstruk gaya baharu kepimpinan pemimpin sekolah semasa pandemik. Kajian kualitatif yang dianalisis secara tematik berbantuan Atlas.ti menemukan dua tema utama iaitu integrasi teknologi dan medium baharu komunikasi dalam kepimpinan. Dapatan temu bual mendapati pemimpin sekolah sangat serius dalam pengintegrasian teknologi digital dan penggunaan medium baharu komunikasi turut meningkat. Dalam masa yang sama pemimpin sekolah turut memperkasakan kepimpinan instruksional secara maya. Manakala data kajian kuantitatif dianalisis berbantuan SEM AMOS. Dapatan kajian terhadap 103 responden yang terdiri daripada pengetua dan guru besar berjaya mengenal pasti lapan konstruk dan 37 tingkah laku kepimpinan pemimpin sekolah. Konstruk tersebut ialah mesyuarat maya, diskusi maya, perkongsian maklumat maya, ruang pembelajaran maya, pembangunan profesionalisme guru, komunikasi maya penyeliaan maya, pemantauan maya dan promosi maya. Akhir sekali, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi impak yang besar kepada kelestarian gaya kepimpinan pascapandemik. Namun, dicadangkan kajian lanjutan dilakukan oleh penyelidik akan datang bagi mengisi kelompangan yang terdapat dalam kajian ini.

Kata kunci: *Gaya baharu kepimpinan, kepimpinan teknologi, teknologi digital, komunikasi maya, penyeliaan maya*

KESILAPAN PENTADBIR DALAM PENGURUSAN PIBG

Suhaimi bin Saidin
Kolej Matrikulasi Pulau Pinang

Abstrak

PIBG adalah satu komponen penting dalam pengurusan sesebuah sekolah. Namun terdapat pelbagai kesilapan yang dilakukan oleh pentadbir sekolah dalam menguruskan PIBG. Terdapat pelbagai pekeling dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan bagi membantu pentadbir terhadap pengurusan yang melibatkan PIBG. Kekurangan pendedahan terhadap pekeling tersebut menyebabkan pentadbir melakukan kesilapan dalam mengurus PIBG. Tujuan kertas ini adalah untuk berkongsi kesilapan yang dilakukan oleh pentadbir dalam mengurus PIBG sekolah masing-masing.

ISTE STANDARDS AMONG SCHOOL ADMINISTRATORS ON TECHNOLOGY MANAGEMENT AND INSTRUCTIONAL TECHNOLOGY

Kalidass Machappan, PhD
Kunalan Kuriaya, PhD
Shanti Ramanlingam, PhD
Institut Aminuddin Baki, Cawangan Genting Highlands

Abstract

Learning and innovation skills, Information, media and technology skills, and Life and career skills are emphasized by Ministry of Education Malaysia towards Digital Transformation Era. This skill has been pioneered by International Society for Technology in Education (ISTE) through formulate standards for the use of technology in current education system. ISTE started to formulate National Educational Technology Standards (NETS) to assess technological and pedagogical competencies among teachers, students and school administrators by formulating, NETS-S for Students (2007), followed by NETS-T for Teachers (2002, 2008) and then NETS-A for School Administrators (2001, 2007). These three Standards have been revised in line with ICT developments, technology and digital media. The purpose of NETS is to provide a benchmark among school administrators, to measure efficiency or teachers' competence, students in use the theory and practice of educational technology in schools within Digital Age. This study was conducted to examine the level of competence of school administrators on the technology management and instructional technology. The respondents of this study consisted of 60 secondary schools from Malaysia. This study uses survey techniques and the questionnaire used was modified from the NETS-A. The five ISTE standards that involved in this study are i) visionary leadership, ii) digital citizenship, iii) systematic improvement, iv) professional practice and v) digital age learning. The findings of the study show that the level of competence among school administrators in technology management and instructional technology is at a moderate level. Therefore, school administrators need to give their full commitment to the use of instructional technology in order to increase productivity in teaching and learning as well as school management. This research will provide appropriate knowledge for all school administrators to adopt technology leadership features to enhance the school administration system and teacher teaching implementation at a higher level.

Keywords: *ISTE, visionary leadership, digital citizenship, systematic improvement, professional practice and digital age learning*

PENGUASAAN KEMAHIRAN ALGEBRA MELALUI PENDEKATAN *REAL-CALCULATE* BAGI MATA PELAJARAN MATEMATIK MENENGAH RENDAH

Mohamad Nizam Arshad, PhD

Muhamad Azhar Stapa, PhD

Nik Abdullah Nik Abdul Kadir

Nor Kamsiah Jaapar

Shahrizan Ariffin

Wan Abdullah Wan Ahmad

Mohd Safri Ishak

Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands

Abstrak

Proses penaakulan Matematik merupakan salah satu elemen utama dalam kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang diberi penekanan khusus dalam pembelajaran Matematik di Malaysia. Kelemahan penguasaan kemahiran Penaakulan Matematik dalam kalangan murid di peringkat rendah dijangka memberi kesan signifikan terhadap kejayaan atau kesukaran pembelajaran Matematik di peringkat yang lebih tinggi. Teori kognitif dalam pembelajaran Matematik mencadangkan bahawa terdapat perkaitan tertentu antara kemahiran penaakulan Matematik ini semasa mempelajari dan membina sesuatu konsep Matematik khususnya Algebra. Justeru, satu strategi dan kaedah pembelajaran yang dinamakan sebagai *Representative-Cognitive-Algorithm* secara ringkasnya (*REAL-CALCULATE*) dibangunkan. Satu set ujian soalan algebra terancang yang dimodifikasikan daripada *International Association for the Evaluation of Educational Achievement* (IEA), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), telah digunakan untuk pengumpulan data. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan min, julat, nilai maksimum dan minimum, ujian-t sampel berpasangan dan ANOVA pada aras signifikan 0.05. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan Tahap Konsep Algebra (TKA) pelajar bagi ujian-t sampel berpasangan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan skor min TKA sebelum dan selepas pembelajaran menggunakan *REAL-CALCULATE* ($t=-27.47$; $p < 0.05$). Min skor peningkatan bagi Tahap Komponen Konsep Algebra (TKKA) sebelum dan selepas pembelajaran menggunakan *REAL-CALCULATE* juga meningkat iaitu TKKA 1 ($M=2.32$), TKKA 2 ($M=2.65$), TKKA 3 ($M=2.65$) dan TKKA 4 ($M=2.39$). Melalui ujian-t sampel berpasangan bagi Tahap Komponen Konsep Algebra (TKKA) sebelum dan selepas pembelajaran menggunakan *REAL-CALCULATE* mempunyai perbezaan tahap yang signifikan dalam empat komponen penaakulan iaitu TKKA 1 [$(31)=-22.097$, $p<0.05$], TKKA 2 [$(31)=-32.416$, $p<0.05$], TKKA 3 [$(31)=-38.325$, $p<0.05$] dan TKKA 4 [$(31)=-26.843$, $p<0.05$]. Secara keseluruhannya, kaedah *Representative-Cognitive-Algorithm* (*REAL-CALCULATE*) ini berupaya melonjakkan kefahaman Algebra murid dengan menggunakan algoritma Matematik bagi menyelesaikan persamaan linear satu pemboleh ubah.

Kata kunci: Algebra, Operasi Asas, Algoritma Matematik

PEMBELAJARAN HIBRID: ALTERNATIF PEMBELAJARAN ABAD KE-21**Noor Akmar binti Jais@Mat Jaih**

Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 18(1), Putrajaya

*akmar.jais@moe.edu.my***Abstrak**

Sesi persekolahan secara penggiliran bermula pada 3 Oktober 2021 susulan kenyataan media yang diumumkan oleh YB Datuk Dr. Radzi Jidin, Menteri Kanan Pendidikan. Berikutan itu, murid bagi semua kelas telah dipecahkan kepada dua kumpulan; A dan B. Setiap kumpulan akan bergilir hadir ke sekolah selama seminggu, mengikuti PdPR di rumah pada minggu berikutnya dan di sebaliknya. Kaedah penggiliran ini telah sedikit sebanyak menjejaskan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Guru perlu mengulang-guna kandungan pembelajaran yang sepatutnya selesai dalam tempoh seminggu kepada dua minggu. Permasalahan ini dapat diatasi dengan strategi pembelajaran secara hibrid di mana murid di sekolah dan di rumah dapat sama-sama belajar segerak menggunakan platform *google meet*. SMK Putrajaya Presint 18(1) telah mengambil langkah untuk membuat kajian rintis terhadap kaedah pembelajaran secara hibrid dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat dan Telekom Malaysia (TM) Sdn. Bhd. Seramai 174 orang murid tingkatan 4 dan 29 orang guru terlibat dalam kajian rintis ini. Kajian ini dilaksanakan pada 3 Oktober 2021 sehingga 10 Disember 2021. Dapatan kajian rintis menunjukkan pelibatan murid yang sangat memberansangkan. 79 peratus murid terlibat secara aktif di sepanjang sesi pembelajaran secara hibrid. Kesemua guru yang terlibat sangat selesa dengan kaedah ini kerana mereka dapat melaksanakan PdPc mereka seperti yang dirancang dan kaedah ini memberikan satu dimensi baharu dalam pengalaman mereka sebagai guru di era pandemik dan endemik. SMK Putrajaya Presint 18(1) juga telah melangkah setapak ke hadapan dengan melaksanakan pembelajaran hibrid bersama-sama SMK Putrajaya Presint 11(2) sebagai tindakan susulan kejayaan rintis pembelajaran hibrid yang berlaku pada 2021.

Kata kunci: *rintis pembelajaran hibrid, sesi penggiliran, dimensi baharu*

FENOMENA GURU BERSARA AWAL PASCAPANDEMIK COVID-19: FAKTOR DAN PERANAN PEMIMPIN SEKOLAH

Mohd Yusri Ibrahim, PhD

Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu

Zurita Othman

Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Kemunting, Kuala Nerus, Terengganu

Abstrak

Isu guru bersara awal merebak dengan pantas dalam lanskap pendidikan Malaysia. Permasalahan ini semakin kritikal pascapandemik COVID-19 apabila guru terpaksa bekerja dan menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran dari rumah (PdPR) sepanjang tempoh tersebut. Jika tidak diatasi segera, permasalahan ini berisiko memberi impak serius terhadap persekitaran pendidikan negara khususnya kewujudan lompang guru berpengalaman yang meninggalkan dunia pendidikan secara serentak dan tiba-tiba. Bagi menghuraikan fenomena ini khususnya mengenal pasti faktor penyebab serta peranan pemimpin sekolah untuk menanganinya, kajian kualitatif secara temu bual mendalam ini dijalankan. Kajian bersifat penerokaan ini dijalankan di Terengganu melibatkan 10 peserta temu bual iaitu dua guru yang telah bersara awal, dua guru yang bakal bersara awal, dua pemimpin sekolah iaitu pengetua dan guru besar, dua pegawai pendidikan daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri, serta dua ahli akademik dalam bidang pendidikan. Data kajian yang dianalisis secara tematik ini mendapati guru memilih untuk bersara awal disebabkan (i) PdP dan urusan kerja dalam talian, (ii) bebanan tugas bukan pengajaran, (iii) tekanan dan desakan pihak atasan, serta (iv) persekitaran kerja tidak menyeronokkan. Bagi mengatasi isu ini dan mengurangkan fenomena *burnout* dalam kalangan guru, pemimpin sekolah dicadangkan untuk (i) mewujudkan persekitaran kerja yang menyeronokkan di sekolah, (ii) bijak menyusun dan mengatur tugas kerja guru, (iii) meningkatkan kualiti komunikasi berkesan dengan guru, (iv) melindungi guru daripada anasir bersifat toksik sama ada dari dalam atau luar organisasi, serta (v) memperkasakan pembudayaan literasi digital dalam kalangan guru khususnya guru-guru *senior*. Kajian ini bersifat penerokaan awal, dicadangkan untuk diadakan kajian lanjut pada skala lebih besar dan komprehensif melibatkan kedua-dua kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk mengatasi fenomena guru bersara awal ini secara lebih menyeluruh.

Kata kunci: *keimpinan sekolah, motivasi guru, bersara awal*

KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL PENGETUA DAN PENGARUHNYA TERHADAP PELAKSANAAN PENDIDIKAN STEM

Nazaruddin Abdul Hadi
Norkumalasari Othman
Norhasnida Rejab
Institut Aminudin Baki
nazaruddin@iab.edu.my

Abstrak

Pendidikan STEM merupakan antara agenda yang diberikan penekanan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 yang merupakan antara usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan sumber tenaga mahir dan pakar dalam bidang penyelidikan dan industri. Pendidikan STEM adalah pendidikan yang berasaskan kepada konsep mendidik pelajar dalam empat bidang iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik dengan mengintegrasikan dan mengaplikasikannya dalam konteks dunia pendidikan. Aspirasi pendidikan STEM diharapkan dapat menarik lebih ramai pelajar menceburi bidang STEM bermula dari peringkat sekolah menerusi proses pengajaran dan pembelajaran STEM yang berkesan. Oleh itu, kertas konsep ini bertujuan mengenal pasti amalan kepimpinan instruksional pengetua sebagai peneraju utama pelaksanaan pendidikan STEM di sekolah masing-masing. Menerusi tiga dimensi dalam amalan kepimpinan instruksional iaitu menentukan matlamat sekolah, mengurus program instruksional dan menggalakkan iklim sekolah yang positif, dikenal pasti mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pelaksanaan pendidikan STEM dengan merujuk kepada kerangka konseptual yang dibina. Keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa kajian ini akan memberi implikasi penting berkaitan kepentingan menyediakan pemimpin sekolah dengan kemahiran mengurus program instruksional bagi memastikan pelaksanaan pendidikan STEM berjaya dilaksanakan sebagaimana yang dihasratkan oleh KPM terhadap pelajar-pelajar yang bakal meneraju negara dalam konteks dunia sebenar nanti.

Kata kunci: *Kepimpinan instruksional, pengetua, pendidikan STEM*

PENGURUSAN SISTEMATIK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH SEMASA ERA PANDEMIK

Mohd Jim Hamzah, PhD

Yusri Hussain

Abu Hisham Yusof

Institut Aminuddin Baki

mohdjim@iab.edu.my

Abstrak

Kertas konsep ini bertujuan untuk mengupas halangan-halangan yang berlaku sepanjang Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) ekoran perintah kawalan pergerakan bagi membendung wabak COVID-19 yang diumumkan oleh kerajaan telah menyebabkan semua sekolah di negara ini ditutup dalam tempoh yang lama. Penutupan sekolah menyebabkan kecuriran pelajaran dalam kalangan pelajar sekolah yang harus dibendung segera. Justeru, PdPR adalah satu langkah praktikal untuk meneruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar sekolah dalam era pandemik ini. Sungguhpun demikian, pengurusan PdPR ini harus diperbaiki dari semasa ke semasa supaya semua pihak mendapat impak positif dari pelaksanaannya. Kertas konsep ini mencadangkan Model Pengurusan Kurt Lewin diadaptasi dalam pengurusan PdPR agar lebih sistematik dan efisien. Model ini memberi penekanan kepada tiga proses iaitu pencairan, perubahan, dan pembekuan. Melalui model ini semua masalah yang dihadapi oleh PdPR dapat dipecahkan dan diperhalusi bagi menghasilkan satu strategi perubahan yang sistematik dan berkesan. Akhir sekali perubahan positif yang terbukti berkesan ini dijadikan amalan berterusan dalam proses pembekuan.

Kata kunci: *Pengurusan, Sistematik, Pengajaran, Pembelajaran, Pandemik*

DASHBOARD SKPMg2: CARA MUDAH MERANGKAI TITIK-TITIK DALAM PENGURUSAN SEKOLAH

Norwati binti Muhamad
Norliza binti Kamaruddin
Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat
norwatimuhamad@gmail.com

Abstrak

Anjakan 5 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia menekankan kepada kepimpinan berprestasi tinggi dalam kalangan Pengetua dan Guru Besar (PGB) sekolah. Mereka seharusnya mempunyai kebertanggungjawaban yang tinggi untuk meningkatkan keberhasilan murid dari segi akademik dan bukan akademik. Tanpa ada instrumen yang khusus seperti SKPMg2 untuk dijadikan rujukan kepada lapisan kepimpinan di sekolah, sudah tentu mereka akan mengalami kesukaran untuk merancang program pemajuan sekolah dengan berkesan dan berimpak. Sekiranya proses penarafan sendiri SKPMg2 ini dilaksanakan dengan baik dan telus, pemimpin sekolah akan dapat mengenal pasti maklumat yang tepat tentang status atau standard kualiti sekolah dari aspek kepimpinan, pengurusan organisasi, pengurusan kurikulum, kokurikulum, hal ehwal murid dan kualiti guru. Selain itu, pemimpin juga akan dapat mengenal pasti jurang dan titik lemah yang perlu ditambah baik. Malangnya, sangat kurang inisiatif daripada pihak sekolah untuk memproses dan menganalisis data lengkap dalam portal NKRA. Oleh itu, dashboard SKPMg2 adalah salah satu alternatif untuk pemimpin sekolah melihat status kualiti kepimpinan mereka dengan merangkai titik-titik yang ada dalam pengoperasian sekolah secara lebih mudah, efisien dan efektif. Secara tidak langsung, pemimpin sekolah juga akan berupaya meningkatkan kompetensi dalam membuat keputusan yang lebih tepat dengan menginterpretasi data kualiti pengurusan dan mengaitkannya dengan impak kepada kemenjadian murid.

Kata kunci : *Dashboard SKPMg2, merangkai titik-titik, kualiti kepimpinan, keberhasilan murid, jurang*

TMS GOOGLE SITE: PLATFORM DIGITAL PENYEDIAAN DATA EFEKTIF**Norhaiza binti Tahir**

SK Tengku Mariam, Batu Pahat, Johor

Abstrak

Dalam era Revolusi Industri 4.0, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) seperti website memainkan peranan penting kepada kemajuan dan inovasi sesebuah organisasi agar dapat berjalan dengan lebih sistematik dan efisien. Penggunaan TMS Google Site sebagai Platform Digital Penyediaan Data di SK Tengku Mariam khasnya dalam bidang Pentadbiran, Kurikulum, Kokurikulum, Hal Ehwal Murid dan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dilihat daripada model empat tunjang arkitek maklumat iaitu daripada aspek kepelbagaian data dan klasifikasi, navigasi, pencarian serta paparan dan reka bentuk. Hasil kajian menunjukkan keempat-empat tunjang arkitek yang dijelmakan dalam TMS Google Site bukan sahaja mencapai keempat-empat objektif projek malahan juga mampu meningkatkan motivasi bekerja semua warga sekolah dan memudahkan penyimpanan data. Instrumen kajian adalah set soal selidik yang mengandungi 40 item berskala Likert. Responden terdiri daripada 43 orang warga sekolah yang terdiri daripada guru dan anggota kumpulan pelaksana SK Tengku Mariam. Dapatan kajian menunjukkan pencapaian tiga objektif penggunaan Google Site memperoleh min tertinggi iaitu 4.76% dalam penyediaan data, analisis dengan pantas dan tepat, penyediaan kepelbagaian dan klasifikasi data berbeza serta penyediaan paparan dan reka bentuk data yang menarik dan mesra pengguna. Selain itu, warga sekolah juga merasakan data mudah dicapai dan diakses apabila menggunakan TMS Google dengan skor min 4.74%. Secara keseluruhan analisis menunjukkan penggunaan TMS Google Site memberi banyak manfaat kepada warga sekolah di mana ia membolehkan pelbagai maklumat dan data dimuatnaik, diakses, dicetak dan dipaparkan dengan paparan yang menarik walau di mana jua mereka berada. Malahan ia juga memudahkan guru-guru melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Bilik Darjah (PBD) secara terancang menggunakan proses *Plan, Do, Check, Action* (PDCA) yang merangkumi aspek pementoran, penyelarasan, pengesanan dan pemantauan dalam penjaminan kualiti pelaksanaan PBD. Penggunaan TMS Google Site sebagai Platform Digital memberi manfaat kepada organisasi dan secara tidak langsung memudahkan pentadbir melaksanakan pemantauan pengoperasian sekolah secara menyeluruh dan bimbingan berfokus yang akhirnya akan merealisasikan pencapaian sasaran mikro Sekolah Berkualiti dan Kemenjadian Murid Secara Holistik.

Kata kunci: *TMS Google Sites, kepelbagaian data dan klasifikasi, navigasi, pencarian serta paparan dan reka bentuk*

PERSEPSI SEKOLAH TENTANG LATIHAN MODUL TS25 SECARA DELIMa DI SARAWAK

Ling Song Kai, PhD
Abdul Khalid bin Bujang
Omar bin Mahli
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
lingsongkai@hotmail.com

Abstrak

Kecenderungan untuk meneruskan penggunaan latihan dalam talian (DeLIMA) dalam kalangan guru merupakan isu penting yang perlu ditangani dengan sebaik mungkin. Kajian ini telah dijalankan pada Oktober 2021 bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kecenderungan meneruskan penggunaan alatan dalam talian dalam kalangan warga sekolah TS25. Data telah dipungut menggunakan borang soal selidik secara google form ke atas 1,039 orang PGB dan PK yang sedang berkhidmat di sekolah TS 25 sekitar negeri Sarawak. Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) Versi 25 telah digunakan untuk menganalisis data. Dapatan daripada analisis yang telah dijalankan menunjukkan bahawa kecenderungan meneruskan penggunaan latihan dalam talian secara langsung untuk responden adalah tinggi. Secara keseluruhan menjelaskan sebanyak 74% responden dapat menjalankan latihan dalam talian. 75.6% responden dapat memahami kandungan modul dan 86.9% merasa ia membantu. 86.3% responden berpuas hati dengan bimbingan RE. Dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh pelbagai pihak bagi memperbaiki aspek amalan penggunaan latihan dalam talian dalam kalangan sekolah.

Kata kunci: DELIMa (*Digital Education Learning Innisiative Malaysia*), latihan dalam talian, TS25

MODEL KEPIMPINAN KONTEKSTUAL PENGETUA DALAM KONTEKS MALAYSIA (MODEL MyCLIPS)

Suhaili Mohd Yusoff, PhD

Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan, Besut Terengganu

Abstrak

Kepimpinan yang berkesan merupakan antara elemen terpenting dalam memastikan kelestarian sistem pendidikan di pelbagai peringkat. Walaupun arus semasa semakin rencam, namun tetap menuntut kepimpinan berjaya memacu organisasi dengan baik di samping menitikberatkan elemen kemanusiaan dalam kepimpinan. Kajian ini merupakan kajian penyelidikan kuantitatif yang melibatkan pengujian model persamaan berstruktur. Data dikumpul secara keratan rentas melalui soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji. Alat ukur yang digunakan juga diuji kesahan dan kebolehpercayaannya. Sampel kajian merupakan 371 orang guru yang dipilih dengan kaedah pensampelan rawak pelbagai peringkat. Analisis kajian dijalankan bagi mendapatkan kesepadanan model persamaan berstruktur dengan menggunakan perisian AMOS versi 24.0 bertujuan membina Model Kepimpinan Kontekstual Pengetua dalam Konteks Malaysia (Model MyCLIPS). Pengujian model menunjukkan indeks kesepadanan yang baik bagi Model Kepimpinan Kontekstual Pengetua dalam Konteks Malaysia (RMSEA=.079, SRMR=.030, ChiSq/df=3.313, TLI=.931, CFI=.943). Dapatan juga menunjukkan bahawa Kepimpinan Kontekstual Pengetua ini dibentuk oleh tiga dimensi penting iaitu Dimensi Kecerakanan, Dimensi Sokongan Pedagogik, dan Dimensi Kecerdasan Kontekstual. Dari segi teori, kajian ini memberikan bukti empirikal terhadap kepentingan kebijaksanaan pemimpin dalam mentafsir konteks. Selain itu, kepimpinan yang berkesan ini perlu digabung jalin dengan beberapa elemen lain daripada kepimpinan solo. Justeru, kepimpinan berasaskan konteks Malaysia perlu diberi perhatian dalam mendefinisikan konsep kepimpinan berkesan dalam konteks Malaysia.

Kata kunci: *Kepimpinan kontekstual, Kepimpinan berasaskan konteks, Kecerdasan kontekstual*

AMALAN TERBAIK SAHSIAH TOKEN DIGITAL NILAI MURNI MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH

Zaharah binti Hashim

Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 11(2)

Abstrak

Pembelajaran dan pengajaran secara bersemuka turut terkesan akibat daripada pandemik COVID-19. Kementerian Pendidikan Malaysia sangat menitikberatkan PdPR dapat dilaksanakan sebaiknya dan diikuti oleh murid-murid secara maksimum. Pihak sekolah sangat cakna dalam perkara ini dan berinisiatif menjalankan program untuk meningkatkan kehadiran murid dalam PdPR. Kehadiran murid-murid Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 11(2) sepanjang pelaksanaan PdPR kurang memuaskan dan belum mencapai tahap maksimum. Berdasarkan data kehadiran murid sepanjang PdPR. Kehadiran murid telah menunjukkan penurunan iaitu hanya 60% berbanding 95% ketika pembelajaran bersemuka. Selain itu, masalah komitmen murid-murid semasa PdPR dan juga hanya 60% murid sahaja menghantar tugas yang diberikan turut menjadi keluhan dalam kalangan guru. Untuk mengatasi permasalahan ini, Guru Besar SK Putrajaya Presint 11(2) telah melaksanakan program “Token Digital Nilai Murni” iaitu pemberian token secara digital untuk menarik perhatian murid-murid mengikuti pembelajaran dalam talian. Token ini akan diberi setiap kali murid menghadiri kelas, memberi kerjasama seperti membuka kamera serta mengambil bahagian setiap kali guru mengajar dan juga menghantar tugas yang diberikan. Token ini akan dikumpul dan ganjaran secara bulanan dan akhir tahun akan diberikan. Setelah hampir tiga bulan pelaksanaan program telah menunjukkan peningkatan kehadiran murid dari 60% kepada 90% kehadiran murid semasa PdPR, hampir 100% murid membuka kamera dan 85% murid telah menghantar tugas yang diberikan. Program ini perlu dijayakan secara berterusan dan diubah suai mengikut kesesuaian semasa. Melalui program ini juga, jati diri yang unggul dan keterampilan yang tinggi dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat dipupuk dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan Putrajaya Presint 11(2).

Kata kunci: Kehadiran murid, sahsiah terpuji dan kemenjadian murid

**KEPIMPINAN TRANSFORMASI PENGETUA DALAM PENGURUSAN
PENGINTEGRASIAN TEKNOLOGI ICT GURU DAN DAMPAK KESEDIAAN GURU
DALAM BILIK DARJAH ABAD KE-21**

Miriani binti Paidal
Bahagian Tajaan
Kementerian Pendidikan Malaysia
miriani_dp20@iluv.ums.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan Kepimpinan transformasi Pengetua dalam pengurusan pengintegrasian Teknologi Guru dengan kesediaan guru di sekolah menengah daerah Kota Kinabalu di negeri Sabah, Malaysia. Kajian berbentuk kuantitatif menggunakan soal selidik sebagai instrumen dan dianalisis menggunakan perisian SPSS 27.0. Kutipan data menggunakan satu set borang soal selidik adaptasi ke atas 100 orang guru statistik deskriptif dan inferensi seperti peratus, min, sisihan piawai, ujian-t, korelasi Pearson digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Analisis deskriptif yang dilaksanakan menunjukkan kepimpinan transformasi pengetua dalam pengurusan pengintegrasian teknologi guru dan kesediaan guru diamalkan pada tahap tinggi. Hasil kajian mendapati tidak terdapat skor min yang signifikan antara kepimpinan transformasi pengetua dalam pengurusan pengintegrasian teknologi guru dan kesediaan guru berdasarkan dengan min kepimpinan transformasi pengetua dalam pengurusan pengintegrasian teknologi. Ujian Korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan liner yang positif yang tinggi bagi kepimpinan teknologi pengetua dalam pengurusan pengintegrasian teknologi ICT guru dengan kesediaan guru. Bagi menghadapi pasca COVID-19 sewajarnya program persediaan wajar didedahkan kepada pengetua dan juga guru bagi meningkatkan integrasi teknologi dalam bilik darjah terutamanya dalam membendung masa-masa sukar seperti wabak dan juga bencana. Implikasi dan cadangan kajian lanjut turut dibincangkan.

Kata kunci: *kepimpinan transformasi pengetua, Pengurusan Pengintegrasian Teknologi ICT Guru, Bilik Darjah Abad Ke-21*

AMALAN KEPEMIMPINAN DAN KEPIMPINAN TEKNOLOGI PENGETUA SERTA PENGARUHNYA TERHADAP PENGINTEGRASIAN TEKNOLOGI DI SEKOLAH: SATU KAJIAN RINTIS

Wirda Nawawi
Mohamed Yusoff Mohd Nor, PhD
Bity Salwana Alias, PhD
Universiti Kebangsaan Malaysia

Wan Mohd Khairul Wan Isa, PhD
Institut Aminuddin Baki

Abstrak

Pelaksanaan kajian rintis mempunyai hubung kait dengan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Sehubungan itu, satu kajian rintis telah dilaksanakan bagi menentukan dan mengesahkan instrumen yang telah dibina untuk mengenal pasti tahap kepemimpinan serta kepimpinan teknologi pengetua di samping tahap pengintegrasian teknologi dalam pengajaran guru. Kajian rintis ini telah dijalankan kepada 196 sampel yang terdiri daripada guru-guru sekolah menengah kebangsaan di sekitar Negeri Sembilan. Kajian ini turut mengupas peranan asas pengetua sebagai peneraju, pembimbing dan pendorong sebagaimana saranan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2. Manakala peranan pengetua sebagai pemimpin teknologi melibatkan lima standard khusus menurut *ISTE Standards for Education Leaders (ISTE-EL)* 2018 yang merangkumi dimensi penyokong kewarganegaraan digital, perancang berwawasan, pemimpin pemeraksanaan, pereka bentuk sistem penggunaan teknologi dan model pembelajaran profesional berterusan. Seterusnya bagi mengenal pasti tahap pengintegrasian teknologi dalam kalangan guru pula, kerangka *Technology Pedagogy Content Knowledge (TPACK)* yang mempunyai tiga domain asas iaitu pedagogi, isi kandungan dan teknologi digunakan. Kajian ini telah melibatkan tiga langkah iaitu kesahan muka, kesahan kandungan dan juga kesahan konstruk. Nilai I-CVI setiap item dalam instrumen berada dalam julat 0.86 hingga 1.00 menjadikan kesemua item boleh dikekalkan. Manakala nilai keseluruhan S-CVI (AVE) bagi instrumen pula adalah tinggi iaitu pada nilai 0.98. Hasil analisis CFA pula menunjukkan nilai *factor loading* bagi setiap item adalah melebihi 0.6. Hasil analisis turut menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai untuk digunakan berdasarkan nilai *Cronbach alpha* yang melebihi 0.9.

Kata kunci: *Pengintegrasian teknologi, perancang berwawasan, peneraju, pemimpin teknologi, pereka bentuk*

INISIATIF KEPEMIMPINAN INSANIAH UNTUK MEMACU KECEMERLANGAN SEKOLAH

Azmi bin Othman

SMK Bukit Tinggi, Bentong, Pahang
azmipakman@gmail.com

Nazeri bin Mohammad, PhD

Jabatan Kerjasama Luar & Antarabangsa, IAB Cawangan Genting Highlands
nazeri@iab.edu.my

Abstrak

COVID-19 telah menguji kepemimpinan organisasi sekolah yang mana ianya memberikan impak jangka panjang dan sangat mencabar. Ketidakpastian menghadapi pandemik menyukarkan organisasi dan komuniti, sekali gus menuntut pemimpin melakukan transformasi dalam corak kepemimpinan. Pemimpin bersedia dan proaktif mengharungi pandemik, mampu menyokong dan mempersiapkan ahli untuk mengharungi cabaran mendatang. Walaupun krisis tidak dapat dielak, pendekatan sesuai perlu diambil untuk mencegah berlaku konflik dalam kalangan pemimpin dan ahli organisasi. Cabaran sangat besar dan mempengaruhi individu, organisasi serta komuniti adalah dari aspek kemanusiaan melalui kepemimpinan insaniah. Pemimpin sekolah perlu segera bertindak kepada kehendak persekitaran organisasi. Ia mungkin tidak terkandung dalam perancangan organisasi kerana dipengaruhi keadaan tidak menentu dan bukan sesuatu rutin. Ia membabitkan bukan sekadar keputusan sementara atau jangka pendek seperti mewujudkan polisi kerja dari rumah, bahkan perubahan dari segi keseluruhan amalan organisasi seperti fleksibiliti, fasiliti dan penggunaan teknologi membantu operasi organisasi. Melalui iklim dan persekitaran kerja yang baik mereka dapat membimbing para guru bagi menentukan dan mencapai matlamat sekolah. Untuk membentuk iklim ini, pengetua sekolah mestilah bekerja dengan para gurunya untuk membina sesuatu matlamat, meraikan kejayaan matlamat itu dan menggalakkan etika kerja yang positif dalam persekitaran kerja. Kertas Pendidikan ini membicarakan enam inisiatif kepemimpinan insaniah yang diperlukan untuk dilaksanakan oleh pemimpin sekolah demi memacu kecemerlangan sesebuah sekolah adalah dengan memberikan tumpuan dan penekanan terhadap pencapaian murid dalam bidang akademik, menyusun dan menetapkan strategi pengajaran, menyediakan dan mengekalkan suasana kondusif di sekolah, kerap menilai pencapaian akademik pelajar, menyelaras program pengajaran dan membantu serta memberi semangat kepada para guru. Pemimpin sekolah itu hendaklah memberikan perhatian kepada suasana tempat kerja yang baik buat guru-gurunya, selain memainkan peranan besar dalam merangsang iklim pembelajaran, menetapkan nada sekolah, tahap profesionalisme dan moral guru, serta sentiasa prihatin terhadap masa depan murid di sekolahnya. Dalam era kebertanggungjawaban dan pentingnya reformasi sekolah, segala usaha memperbaiki sesebuah sekolah bergantung kepada pengetua dalam membuat perubahan di sekolah.

Kata kunci: *Kepimpinan Insaniah, reformasi sekolah dan memacu kecemerlangan*

KEPIMPINAN HYBRID DALAM PENDIDIKAN: CABARAN MASA AKAN DATANG?

Noraliza Minhat
Issma Izzaili Zamri

Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands

Abstrak

Kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan tentang kepimpinan hibrid dalam pengurusan kepimpinan sekolah sebagai satu pilihan pasca COVID-19. Kepimpinan hibrid yang dimaksudkan adalah gabungan gaya kepimpinan. Kecekapan yang diperlukan oleh pemimpin sekolah dalam melaksanakannya. Pemimpin lebih versatil dan fleksibiliti dalam ruang kerja. Selain itu, mengenal pasti masalah pengurusan kepimpinan sekolah dan kepentingan kepimpinan hibrid ini pada masa depan. Pada akhir perbincangan ini turut disertakan cadangan kajian berkaitan dengan pelaksanaan kepimpinan hibrid di sekolah.

Kata kunci: *Kepimpinan, Kepimpinan hibrid, COVID-19, Gaya kepimpinan, Pengurusan sekolah*

**MODEL KEPIMPINAN SILANG BUDAYA SEKOLAH DI MALAYSIA:
ANALISIS KEPERLUAN**

Zatun Najahah binti Saari
Muhammad Faizal bin A. Ghani
 Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya
 Kuala Lumpur, Malaysia
 znajahah13@gmail.com

Abstrak

Pembangunan modal insan merupakan penunjuk aras bagi meningkatkan produktiviti yang berdaya saing bagi sesebuah negara. Oleh itu, bidang pendidikan merupakan asas dalam masyarakat dan negara untuk mencapai matlamat pembangunan pendidikan yang terbaik. Satu standard kompetensi khusus diperlukan bagi mengatasi kekurangan keupayaan pemimpin sekolah dalam membuat penilaian profesional terhadap kompetensi calon pemimpin sekolah serta kurang kemahiran dalam menghadapi masalah silang budaya dalam kalangan pemimpin sekolah. Beberapa tinjauan telah dilakukan ke atas model kepimpinan terdahulu dan didapati bahawa kebanyakan kepimpinan silang budaya masih tertumpu dalam bidang perniagaan terutama di negara barat. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk melihat keperluan kepada pembinaan model kepimpinan silang budaya serta komponen kepimpinan silang budaya yang diperlukan dalam bidang pendidikan. Dalam fasa analisis keperluan reka bentuk kualitatif melibatkan temu bual enam orang pemimpin sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ada keperluan untuk membangunkan model kepimpinan silang budaya di sekolah berasaskan konteks tempatan. Di samping menjadi panduan serta rujukan kepada pemimpin sekolah, model silang budaya ini juga diharapkan dapat membantu para pemimpin sekolah yang akan berhadapan dengan pelbagai isu berkaitan silang budaya di sekolah.

Kata kunci: *Pemimpin Sekolah, Silang Budaya, Kepimpinan Silang Budaya*

**KEPIMPINAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM PASCAPANDEMIK:
ANALISIS KITAB ADAB AL-MU'ALLIMIN DALAM PENGHASILAN
MODEL PEDAGOGI TERBEZA**

**Zurina Mustaffa
Zaharah Hussin
Abdul Muhsien Sulaiman**
Universiti Malaya
zurinamustaffa2020@gmail.com

Abstrak

Kepimpinan pengajaran sangat penting bagi guru Pendidikan Islam. Dengan adanya kepimpinan pengajaran, guru sentiasa memerhati sejauh mana keberkesanan pengajaran yang digunakan. Guru juga akan sentiasa memberi bimbingan dan bantuan kepada murid serta refleksi pengajaran dari semasa ke semasa. Kini, kepimpinan pengajaran kepada murid yang pelbagai sangat penting memandangkan pengasingan kelas sudah tidak diamalkan lagi di sekolah. Oleh itu, dalam hal kepimpinan pengajaran kepada murid yang pelbagai ini, pengkaji telah menganalisis kitab *Adab al-Mu'allimin* untuk mengenal pasti kepimpinan pengajaran yang sesuai digunakan dalam pengajaran guru kepada murid yang pelbagai. Pengkaji juga mengaitkan analisis kandungan yang terhasil dari Kitab *Adab al-Mu'allimin* ini dengan pelaksanaan Model Pedagogi Terbeza. Pengkaji mengharapkan agar kertas konsep ini dapat meneroka beberapa gaya kepimpinan pengajaran guru kepada murid yang pelbagai. Hasil perbincangan kertas konsep ini akan dapat memberi pemahaman kepada guru berkaitan konsep kepimpinan pengajaran kepada murid yang pelbagai berdasarkan kitab *Adab al-Mu'allimin* dan bagaimana ia dilaksanakan melalui pendekatan Model Pedagogi Terbeza.

Kata kunci: *Kepimpinan pengajaran, Kitab Adab al-Mu'allimin, Model Pedagogi Terbeza*

WHAT DRIVE LEADERS? A CASE STUDY ON MOTIVATIONAL FACTORS OF A MALAYSIAN SCHOOL PRINCIPAL

Hamidon bin A.Rahman

Aziyah Yusoff

Nor Aiza binti Zamzam Amin

Rasida binti Awang

Mazuin binti Adnan

Nor Azlina binti Mohammad Suberi

Institut Aminuddin Baki, Cawangan Genting Highlands

Abstract

The aspect of motivation of school leaders is not often considered as the main factor in the success of a leader. In many cases, aspects like resources i.e. funds, staff and facilities determine success. Generally, school leaders are tasked to bring the school towards success. He or she must manage the resources while handling the students and community. Apparently, being a principal is a position with substantial responsibilities that sometimes we forget what drives school leaders to do their tasks. Pink (2009) argues that the classic theory of reinforcement (rewards and punishment) is flawed in the sense that staff only work when given incentives and they are considered as 'loyal' worker. According to Pink (2009), the concept of intrinsic motivation plays an important role in driving school principal towards completing their tasks. In this qualitative study, a school principal from a Malaysian school was interviewed to explore her motivations. Several semi-structured questions were asked and the responses were recorded and transcribed. Using the software Atlas.ti version 8, her responses were coded and categorized.

Keywords: *School Principals, Motivation, Intrinsic Drive*

PENGUNAAN KAEDAH PERMAINAN E-15 TERHADAP MURID TINGKATAN 2 TUN KUDU BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENINGAT PERANTI-PERANTI ELEKTRONIK

Noor Adilah bt Othman

Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Rambai, Melaka
nooradilah.binti.othman@gmail.com

Mohd Irwan bin Abdul Aziz

SABK SMA Assaiyidah Khadijah Serkam Darat Merlimau Melaka
cikguirwan150978@gmail.com

Abstrak

Permainan E-15 yang dihasilkan adalah berdasarkan inspirasi permainan dam bagi mata pelajaran Reka Bentuk Dan Teknologi Tingkatan 2. Rasional kajian ini dicipta adalah untuk membantu proses pembelajaran murid di dalam kelas selain dapat menguji daya fikir dan cara untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi oleh mereka. Selain itu, kajian ini juga dijalankan bagi menarik minat murid terhadap sub topik bertajuk Peranti Elektronik seterusnya memberi pengetahuan tentang sub topik yang diajar. Murid akan mendapat ilmu pengetahuan ketika bermain dan sekaligus dapat mempelbagaikan teknik pembelajaran semasa berada di dalam kelas. Penciptaan permainan ini juga dapat mengukuhkan dan memberi keseronokkan kepada murid kerana permainan ini menggunakan teknologi “QR-CODE” pada setiap soalan yang diajukan. Penciptaan kajian ini juga menepati Instrumens yang telah ditetapkan iaitu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi Penguasaan 1 dan 2. Dengan adanya kajian seperti ini, saya yakin murid akan berasa seronok ketika belajar dan dalam pada masa yang sama mereka telah mendapat input yang baik dan impak yang positif. Kajian ini juga telah disebarluaskan di beberapa buah Sekolah Menengah. Keberkesanan permainan tersebut seterusnya dapat membantu murid menguasai tajuk mata pelajaran Reka Bentuk Dan Teknologi.

Kata kunci : *Permainan E-15, QR-CODE, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*

**BIASAKAN YANG BAHARU: MENEROKA AMALAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL MAYA
PEMIMPIN SEKOLAH SEMASA PANDEMIK COVID-19**

Valerie Sinti
Syarmila binti Ab Latiff
Chin Siew Moi
Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah
valerie@iab.moe.gov.my

Abstrak

Wabak COVID-19 yang melanda negara telah mengubah sifat amalan kepimpinan instruksional pemimpin sekolah. Pandemi global ini memaksa pemimpin sekolah untuk berfikir secara futuristik dengan berfikir di luar kebiasaan serta berani membuat perubahan baharu selari dengan perkembangan amalan kepimpinan instruksional maya. Justeru, kertas konsep ini bertujuan untuk meneroka amalan kepimpinan instruksional maya pemimpin sekolah semasa pandemik COVID-19. Pemimpin sekolah telah merebut peluang yang ditawarkan oleh kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk memperkasa dan mengubah kepimpinan instruksional konvensional yang diamalkan sebelum COVID-19 melanda negara. Pemimpin sekolah mengamalkan kepimpinan instruksional maya melalui pengintegrasian teknologi mudah alih dengan bantuan aplikasi rangkaian media sosial. Penggunaan medium komunikasi maya baharu seperti WhatsApp, Telegram dan Facebook telah membentuk amalan kepimpinan instruksional maya dalam kalangan pemimpin sekolah dalam tempoh yang mencabar ini. Penggunaan pelbagai platform aplikasi persidangan video seperti Webex, Zoom dan Google Meet dalam mengatur pertemuan dengan guru-guru sekolah. Norma baharu ini telah mencetuskan revolusi gaya kepimpinan pemimpin sekolah.

Kata kunci: *Pandemik COVID-19, Kepimpinan Instruksional Maya, Pemimpin Sekolah, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Komunikasi Maya*

**PEMIMPIN PENDIDIKAN: PERANAN DAN CABARAN KEPIMPINAN BAGI MEMASTIKAN
MATLAMAT PENDIDIKAN DISEPADUKAN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP) COVID-19**

**Mohamad Nizam Arshad, PhD
Muhamad Azhar Stapa, PhD
Nik Abdullah Nik Abdul Kadir
Nor Kamsiah Jaapar
Shahrizan Ariffin,
Wan Abdullah Wan Ahmad
Mohd Safri Ishak**

Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands
Kementerian Pendidikan Malaysia

Abstrak

Memperkasakan guru dan pemimpin sekolah adalah salah satu komponen utama dalam Teras Strategik Strategi (Anjakan) Pelan Tindakan *Key Performance Indicators* (KPI) yang merupakan fokus dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Bukti empirikal menunjukkan bahawa kejayaan suatu organisasi bergantung kepada pemimpin dalam dunia pendidikan yang mampu menggalas tanggungjawab besar dalam memastikan matlamat dan agenda pendidikan dapat dilaksanakan. Pelbagai isu dan cabaran timbul dalam melaksanakan tanggungjawab ini. Kesannya dalam dunia pendidikan amat dirasakan dalam semua aspek kehidupan. Kertas konsep ini membincangkan pengalaman pemimpin yang terdiri dalam kalangan Pengetua dan Guru Besar (PGB) berhadapan dengan pandemik COVID-19 khususnya dalam kepimpinan organisasi sekolah. Kertas konsep ini ditulis berdasarkan kepada peranan pemimpin dalam membuat perubahan yang dicadangkan oleh M. Loeb (1994) dan juga oleh Hall dan Hord (2014) dengan melihat kepada keperluan perubahan bagi menghadapi normal baharu kehidupan semasa dan selepas PKP. Peranan pemimpin diterjemahkan kepada enam (6) tindakan; menetapkan wawasan dan hala tuju organisasi, menggembeleng sumber termasuk sumber manusia ke arah hala tuju organisasi, memupuk motivasi pekerja, membangunkan keupayaan strategik organisasi, merealisasikan perubahan, dan membawa organisasi memenuhi tuntutan masa hadapan. Keperluan yang dimainkan oleh pemimpin pendidikan dalam menangani isu dan cabaran yang dihadapi semasa era Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19 penting dalam memastikan suatu organisasi itu dapat berfungsi dengan baik seterusnya menjadikan asas kepada lahirnya pemimpin yang berkualiti dan mampu berdaya saing sehingga ke peringkat antarabangsa. Penyelidik juga menyenaraikan beberapa saranan pasca-PKP yang boleh diambil bagi memastikan matlamat dan agenda pendidikan disepadukan bersesuaian dengan teknologi yang digunakan khususnya semasa era COVID-19.

Kata kunci: Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19, PPPM 2013-2025, komunikasi berkesan, hala tuju organisasi, teknologi, peranan perubahan

AMALAN TERBAIK KEPIMPINAN GURU BESAR SEKOLAH KURANG MURID DI NEGERI PERAK

Nitce Ida Medina Machmudi Isa, PhD
Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands

Abstrak

Kepentingan ekuiti pembelajaran dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan jurang pencapaian di sekolah kawasan bandar dan luar bandar seperti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Pada masa yang sama, guru besar hendaklah bersedia untuk memenuhi keperluan sebagai seorang pemimpin di semua sekolah, termasuk di sekolah kurang murid (SKM) yang majoritinya terletak di kawasan luar bandar. Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif yang dijalankan untuk mengenal pasti amalan terbaik kepimpinan guru besar di SKM yang cemerlang. Data dikumpulkan menggunakan protokol temu bual separa berstruktur melibatkan enam orang guru besar SKM cemerlang di negeri Perak. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa guru besar di SKM cemerlang mengutamakan dwi peranan, yakni sebagai pentadbir sekolah dan pada masa yang sama sebagai guru mata pelajaran. Mereka juga turut menekankan aspek menambah baik prasarana serta usaha mengatasi kekangan kewangan sekolah. Selain itu, guru besar di SMK cemerlang ini juga dilihat memberi perhatian khusus terhadap pengajaran murid kelas bercantum di SKM masing-masing. Implikasi dapatan kajian mencadangkan agar pihak KPM mengupayakan guru besar di SKM dalam hal-hal pengurusan aset dan kewangan sekolah, selain penekanan terhadap aspek dwi peranan mereka sebagai pemimpin di SKM.

Kata kunci: *ekuiti pembelajaran, sekolah kurang murid, guru besar*

AMALAN KEPIMPINAN DIGITAL PEMIMPIN SEKOLAH DI SEKOLAH BANDAR NEGERI SABAH

Robit bin Yusie Fus Han
Sainah Limbasan, PhD
Darussalam Nehemia Bonel Pantulusang
Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah
robit@iab.edu.my

Abstrak

Perubahan landskap organisasi pendidikan globalisasi pada abad ke-21, secara strategiknya menuntut pengurusan dan kepimpinan pendidikan yang efisien berteraskan digital. Namun demikian, amalan kepimpinan digital merupakan tugas yang semakin mencabar dan mendesak serta memerlukan tindakan segera pemimpin sekolah dalam pembangunan teknologi. Hal ini adalah sejajar dengan Program MyDigital: Teras 3 Kepimpinan Digital dalam sektor awam yang menyokong aspirasi kerajaan iaitu menggapai 'Sustainable Development Goal' dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dalam PSPSA 2021-2025 berdasarkan piawaian 'International Society for Technology in Education'. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan kepimpinan digital dalam kalangan pemimpin sekolah menengah di Sabah. Kajian berbentuk kuantitatif deskriptif ini menggunakan soal selidik yang diadaptasi daripada instrumen kepimpinan digital. Responden kajian melibatkan seramai 291 orang pemimpin sekolah yang dipilih secara rawak di sekolah menengah di Sabah. Data dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferens. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pemimpin sekolah dalam konteks pendidikan di Malaysia untuk memantapkan dan mengekalkan kepimpinan digital demi kualiti sekolah bertaraf dunia.

Kata kunci: *Kepimpinan digital, pemimpin sekolah, aspirasi kerajaan, kualiti sekolah*

IMPAK AMALAN KEPIMPINAN AUTENTIK MELALUI DIMENSI KESEDARAN KENDIRI DAN KETELUSAN PERHUBUNGAN PENGETUA KETIKA KRISIS PANDEMIK COVID-19

Thilagam Gurusamy
Zuraidah Abdullah
Universiti Malaya
thilaloga@gmail.com

Abstrak

Ancaman COVID-19 secara tiba-tiba membawa impak negatif secara global terhadap semua sektor termasuk sektor pendidikan. Perubahan yang mendadak ini memaksa guru melaksanakan PdPc dalam talian secara sepenuhnya. Ini mengundang kepada kadar tekanan kerja dan peningkatan beban kerja guru yang tinggi sehingga komitmen guru terjejas. Namun, pemimpin memainkan peranan penting dalam mempengaruhi guru untuk sentiasa bersikap positif terhadap perubahan drastik. Oleh yang demikian, amalan kepimpinan pemimpin cemerlang perlu dikaji bagi melihat impak amalan kepimpinan mereka terhadap guru di Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kesan langsung amalan kepimpinan autentik pengetua cemerlang terutamanya kesedaran sendiri dan ketelusan perhubungan pemimpin terhadap komitmen afektif guru di sekolah menengah seluruh Malaysia. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kuantitatif dengan kaedah tinjauan yang menggunakan instrumen Authentic Leadership Questionnaire (ALQ) dan Three Component Model (TCM). Dapatan kajian dianalisis menggunakan data sebanyak 437 dengan Model Persamaan Struktural (SEM-AMOS). Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat kesan langsung positif yang signifikan antara kepimpinan autentik pengetua cemerlang iaitu kesedaran sendiri dengan komitmen afektif guru. Di sebaliknya ketelusan perhubungan tidak mempunyai kesan langsung yang signifikan terhadap komitmen afektif guru. Akhir sekali, melalui model struktur kajian didapati amalan kesedaran sendiri dan ketelusan perhubungan pengetua cemerlang memberi sumbangan sebanyak 15% terhadap komitmen afektif guru. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini diharap dapat menyumbang ilmu untuk diadaptasikan dalam sistem pendidikan di Malaysia.

Kata kunci: *Kepimpinan autentik, kesedaran sendiri, ketelusan perhubungan, komitmen afektif dan pengetua cemerlang*

VDO 2.0: E-BUKU PENGHASILAN VIDEO PdPc

Thillai Kumar a/I Pathatalli

Rafiah binti Ishak

Sakinah binti Mohamad

Kolej Matrikulasi Labuan

bm-3421@moe-dl.edu.my

Haniza binti Yahaya

Kolej Matrikulasi Selangor

Abstrak

Vdo 2.0 merupakan sebuah e-buku yang mengandungi panduan dalam penghasilan video PdPc yang telah melalui pelbagai perubahan dari versi 1.0, versi 1.1, versi 1.2, versi 1.3, versi 1.4 dan terkini versi 2.0. Vdo 2.0 terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu merakam video, menyunting video dan memuat naik video. Tujuan utama penghasilan Vdo 2.0 adalah sebagai rujukan bagi para pendidik mahupun pelajar dalam penghasilan video PdPc yang interaktif. Antara objektif penghasilan e-buku ini adalah sebagai panduan yang berkonsepkan elektronik, tidak memerlukan percetakan dan mudah didapati. E-buku Vdo 2.0 terhasil dari kerjasama pensyarah Sains Komputer di Kolej Matrikulasi Labuan dan Kolej Matrikulasi Selangor. Pelbagai ujian kebolehpercayaan telah dilaksanakan sejak bulan Jun 2018 diukur dengan model Pengukuran Rasch untuk menguji akan keberkesanan dan kepentingan setiap kaedah yang tertulis di dalam e-buku ini. Maklum balas para pensyarah dan pelajar terhadap Vdo versi 1.0 sehinggalah versi 1.4 telah diambil kira dalam aspek penambahbaikan karya ini sehinggalah terhasilnya Vdo 2.0. Hasilnya, para pensyarah serta pelajar yang terlibat telah memberikan respon yang positif terhadap Vdo 2.0 berbanding dengan versi-versi sebelumnya. Vdo 2.0 juga telah didaftarkan sebagai terbitan dalam negara dan mempunyai nombor e-ISBN yang khusus.

Kata kunci: *Vdo 2.0; e-buku; video*

PENGARUH AMALAN KEPIMPINAN DISTRIBUTIF TERHADAP KOMPETENSI KERJA GURU

Mohd Notfi Ibrahim
Khalip Musa, PhD
Universiti Pendidikan Sultan Idris
mohdnotfi@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh amalan kepimpinan distributif terhadap kompetensi kerja guru dan efikasi sendiri guru sebagai faktor mediator dalam kalangan guru di sekolah rendah dalam Negeri Pahang. Kajian berbentuk kuantitatif deskriptif dengan kaedah secara tinjauan menggunakan soal selidik (*Distributed Leadership Readiness Scale-DLRS*) oleh Gordon, manakala bagi menilai kompetensi kerja guru menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengukur standard guru Malaysia di bawah PPPM bagi fasa pertama 2010-2013 dan fasa kedua 2013-2025. Untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri guru menggunakan instrumen (*Teacher Sense of Efficacy Scale-TSES*) oleh Tschannen-Moran, Hoy dan Hoy. Bagi menjalankan kajian ini seramai 375 orang guru sekolah rendah dalam negeri Pahang dipilih secara rawak mudah berstrata. Data-data yang akan berjaya dikumpul dianalisis menggunakan statistik deskriptif (Bilangan, Peratusan, Min dan Sisihan Piawai), statistik inferensi (Korelasi Pearson, Regresi Stepwise dan SPSS Mikro Proses. Jangkaan dapatan kajian adalah dipercayai akan menunjukkan tahap amalan kepimpinan distributif, kompetensi kerja guru dan tahap efikasi sendiri guru adalah tinggi. Hasil kajian juga dijangka bahawa terdapat hubungan yang positif antara amalan kepimpinan distributif dengan kompetensi kerja guru serta efikasi sendiri guru. Sementara hubungan antara kepimpinan distributif dengan efikasi sendiri adalah positif. Selain itu, jangkaan dapatan kajian akan dapat dibuktikan bahawa amalan kepimpinan distributif yang dipraktikkan di sekolah, merupakan faktor peramal terhadap peningkatan tahap kompetensi kerja guru, serta efikasi sendiri guru. Melalui analisis SPSS Mikro Proses, dari kajian ini dijangkakan bahawa efikasi sendiri guru sebagai faktor mediator serta amalan kepimpinan distributif dan efikasi sendiri guru menyumbang kepada peningkatan tahap kompetensi kerja guru. Dari kajian ini dijangkakan bahawa dapat dibuktikan bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah dalam kajian ini mempunyai perkaitan yang rapat dan ianya sangat perlu dikaji dengan lebih luas dan mendalam bagi meningkatkan kecemerlangan sekolah kepada satu tahap yang lebih tinggi demi menjayakan matlamat ke arah satu peraksanaan sistem pendidikan yang bertaraf dunia.

Kata kunci: *Kepimpinan distributif, kompetensi kerja guru dan efikasi sendiri guru*

**In-ApDIGITAL: INTEGRASI APLIKASI DIGITAL MENINGKATKAN KEEFISIENAN PROSES
MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN UNIVERSITI LUAR NEGARA TERHADAP PROGRAM
MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Nurul Fatni binti Abdussyukur, PhD
Hasyidan bin Mohd Hussain
Anita binti Ariffin
Noorunnuha binti Shahfuddin
Izura Adiawati binti Hizarullah
Bahagian Matrikulasi, KPM
fatni@moe.gov.my

Abstrak

Pelan Transformasi Program Matrikulasi (PTPM) 2021-2025 di bawah teras 2: Kurikulum Dinamik dan *Key Performance Indicator* (KPI) 15 ada menggariskan usaha pengurusan Bahagian Matrikulasi dalam meningkatkan bilangan pengiktirafan dari universiti dalam senarai Top 100 QS World University Rankings bermula pada tahun 2021 sehingga 2025. Sasaran tahunan yang ditetapkan dalam PTPM 2021-2025 adalah sebanyak dua universiti luar negara yang berada dalam senarai Top 100 QS World University dapat mengiktiraf Program Matrikulasi. Pada tahun 2021 yang lepas, ketika negara masih berada dalam situasi tempoh PKP* pengurusan Bahagian Matrikulasi telah berjaya mendapatkan pengiktirafan daripada dua universiti terkemuka Jepun iaitu Kyoto University yang berkedudukan 33 kedudukan dunia dan Osaka University yang berada di kedudukan nombor 72 kedudukan dunia. Ironinya, sebelum tahun 2021, prosedur kerja mendapatkan pengiktirafan universiti luar negara seperti ke Amerika Syarikat dan Korea yang pernah dibuat oleh Bahagian Matrikulasi telah mengambil kos belanjawan sekitar RM200,000.00 dan memakan masa setahun secara puratanya. Namun, melalui kaedah integrasi aplikasi digital: In-ApDigital, pengiktirafan oleh universiti luar negara oleh pengurusan Bahagian Matrikulasi telah berjaya didapatkan dalam tempoh singkat iaitu 2 bulan dan tanpa kos belanjawan daripada kerajaan Malaysia. Kesimpulannya, kaedah In-ApDigital telah diimplementasikan berjaya meningkatkan produktiviti dan keefisienan proses kerja pengurusan Bahagian Matrikulasi dengan penjimatan kos, masa dan sumber manusia dalam merealisasikan Pelan Transformasi Program Matrikulasi (PTPM) 2021-2025 dan memartabatkan Program Matrikulasi di mata antarabangsa dengan memberi peluang sambung belajar dan penajaan pendidikan ke universiti terkemuka dunia.

Kata kunci: *Integrasi digital, hubungan antarabangsa, pengurusan digital*

TAHAP KEPIMPINAN TRANSFORMASIONAL GURU BESAR DI SEKOLAH KURANG MURID

Aminuddin Ismail
Ghazali Sulaiman PhD
Institut Aminudin Baki Cawangan Sabah

Abstrak

Teori kepimpinan transformasional memfokuskan beberapa elemen penting antaranya ialah elemen pertimbangan berdasarkan individu dan elemen motivasi berinspirasi. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap kepimpinan transformasional guru besar di sekolah kurang murid. Antara objektif kajian pula adalah untuk mengenal pasti tahap pertimbangan berdasarkan individu dan motivasi berinspirasi guru besar di sekolah kurang murid. Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan tahap pertimbangan berdasarkan individu guru besar di sekolah kurang murid adalah sederhana tinggi. Manakala dari segi tahap motivasi berinspirasi guru besar di sekolah kurang murid juga adalah sederhana tinggi. Sehubungan itu, kepimpinan transformasional guru besar di sekolah kurang murid menunjukkan bahawa transformasi pemimpin yang menjurus terhadap pembelajaran sepanjang hayat perlu dititikberatkan dalam amalan kepimpinan transformasional agar dapat mencetus idea dan kemahiran baharu dalam menyediakan perancangan dan strategi pengajaran yang lebih kreatif dan inovatif.

Kata kunci: *Pertimbangan Berdasarkan Individu, Motivasi Berinspirasi, Guru Besar, Sekolah Kurang Murid*

MODEL BIMBINGAN FASIH SEGMENTATION MATRIX

Zaiazman bin Mohd Zainuddin@Hilmi
Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat

Abstrak

Pejabat Pendidikan Daerah telah dikenal pasti oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai agensi utama dalam rangkaian penyampaian pendidikan. Sejak sekian lama, PPD dianggap sebagai cabang pentadbiran peringkat Kementerian dan JPN. Memandangkan keperluan sekolah semakin meningkat, maka skop aktiviti yang dilaksanakan oleh PPD juga semakin meningkat. Sebagai entiti Kementerian yang paling hampir dengan sekolah, PPD diharapkan dapat melaksanakan peranan dengan lebih praktikal mengikut perkembangan persekitaran semasa. PPD menyediakan bimbingan dan sokongan secara langsung dalam membantu mengurus dan memantau prestasi sekolah. Sokongan yang diberi adalah berdasarkan Model Bimbingan Instruksional agar pelaksanaannya lebih efektif digunakan untuk meningkatkan prestasi dan kualiti sekolah sebagaimana terkandung di dalam dokumen DTP3.0. Menyedari keperluan bimbingan dan sokongan secara berfokus, berstruktur dan berterusan, PPD Hulu Langat merangka Model Bimbingan Fasih Segmentation Matrix dengan kebolehpayaan mengenal pasti kumpulan sekolah yang paling memerlukan bimbingan dan sokongan. Model ini juga dibentuk dengan keupayaan membuat telahan dan unjuran pertumbuhan dan perkembangan potensi sekolah secara khusus mengikut persekitaran sekolah masing-masing. Bimbingan eksklusif oleh Sektor Pembelajaran direka bentuk dengan rapi dan menyeluruh dalam tempoh kontrak selama 2 tahun bagi memastikan pertumbuhan dan perkembangan prestasi sekolah ke tahap optimum.

KEBERKESANAN AMALAN KEPIMPINAN MORAL GURU BESAR DALAM MEMBINA KOMUNITI SEKOLAH

**Shamsul bin Mohamed Yusak
Tajulashikin bin Jumahat, PhD**
Institut Aminudin Baki
shamsul@iab.edu.my

Rahmisafa binti Hamid
Open University Malaysia (OUM)

Norwaliza binti Abd Wahab, PhD
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Abstrak

Dalam usaha mewujudkan pendidikan yang berkualiti tinggi, guru besar merupakan individu yang memainkan peranan penting dalam memastikan dasar dan strategi dalam sistem pendidikan di Malaysia berjaya dilaksanakan. Namun, isu dan cabaran besar yang sering dihadapi oleh guru besar adalah berkaitan dengan perkongsian misi, visi dan matlamat sekolah dengan guru-guru, berkongsi tanggungjawab, persepakatan dalam membuat sesuatu keputusan dan menggalakkan guru terlibat dalam aktiviti penambahbaikan sekolah. Tujuan kajian adalah untuk meninjau persepsi guru terhadap amalan kepimpinan moral guru besar berdasarkan dimensi membina komuniti sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif dengan menggunakan soal-selidik berskala Likert melibatkan 50 responden yang terdiri daripada guru-guru sekolah kebangsaan dalam daerah Temerloh, Pahang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan kepemimpinan moral guru besar adalah pada tahap sederhana dan berdasarkan dimensi Membina Komuniti Sekolah ianya masih belum diamalkan sepenuhnya oleh guru besar di sekolah. Kajian ini dapat memberi panduan kepada PPD, JPN dan KPM khususnya Institut Aminuddin Baki untuk merangka modul dan latihan yang sesuai untuk memperkasakan gaya dan amalan kepemimpinan moral guru besar dalam mewujudkan iklim organisasi yang kondusif di sekolah serta menjadi penanda aras kepada peserta kursus Program Kelayakan Profesional Kebangsaan Pemimpin Pendidikan (NPQEL) yang bakal menggalas tugas sebagai pemimpin sekolah yang berkesan.

Kata kunci: *Kepimpinan Moral, Gaya Kepimpinan, Membina Komuniti Sekolah, Guru Besar*

KELESTARIAN KEPIMPINAN AUTENTIK TERHADAP KEPUASAN KERJA GURU PASCAPANDEMIK COVID-19

Mohammad Zainuddin Mat Zaid
SK Beladai Kolam, Terengganu

Mat Rahimi Yusof, PhD
Mohd Isha Awang, PhD
Universiti Utara Malaysia

Pang Lai Chaw
SK Tengku Mahmud 2, Terengganu

Abstrak

Perkembangan dunia tanpa sempadan yang begitu pesat era Revolusi Industri (IR4.0) pada hari ini telah mempengaruhi institusi-institusi pendidikan di seluruh dunia ke arah mentransformasikan pengurusan organisasi berkesan. Dalam era pascapandemik COVID-19, usaha melestarikan pemimpin yang bertaraf dunia adalah menjadi satu keutamaan sejajar dengan Anjakan ke-5, PPPM 2013-2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap kepimpinan autentik dan kepuasan kerja guru sekolah rendah di daerah Kuala Nerus, Terengganu dan juga mengkaji sejauh mana pengaruhnya terhadap kepimpinan autentik dan kepuasan kerja guru. Bagi mengumpul data kajian, soal selidik kepimpinan autentik diadaptasi daripada instrumen dibangunkan oleh Avolio et al. (2007). Manakala, soal selidik bagi kepuasan kerja guru juga dibangunkan oleh Brayfield dan Rothe (1951) diedarkan kepada responden yang dipilih secara rawak melalui teknik persampelan rawak berlapis. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi berbantuan perisian SPSS versi 24. Hasil dapatan kajian menunjukkan keempat-empat dimensi kepimpinan autentik berada pada tahap sederhana dan tahap kepuasan kerja guru juga mencatatkan tahap sederhana. Selain itu, analisis data juga mendapati pengaruh antara kepimpinan autentik dan kepuasan kerja guru adalah positif dan berada pada kadar 34.4%. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada kemajuan gaya kepimpinan guru besar yang mampu memberi kepuasan kerja yang optimum kepada guru-guru dan seterusnya dijadikan panduan kepada kepimpinan pendidikan dalam usaha melahirkan pemimpin yang berkualiti tinggi. Dicadangkan kajian lanjutan turut dilakukan oleh penyelidik akan datang bagi mengisi kelompondangan yang terdapat dalam kajian ini.

Kata kunci: *kepimpinan autentik, kepuasan kerja guru, gaya kepimpinan, sekolah rendah.*

**DIGITAL LEADERSHIP BY MALAYSIAN SCHOOL PRINCIPALS
DURING THE COVID-19 PANDEMIC**

Wan Rosmini Hassan, PhD

Institut Aminuddin Baki Kementerian Pendidikan Malaysia
rosmini@iab.edu.my

Abstract

The outbreak of Coronavirus Disease 19 or COVID-19 has brought a severe impact on the education system all around the world including Malaysia. Digital learning took over the conventional teaching and learning practices to make sure no students are left behind. Thus, the need for school administrators to adapt to technological development is crucial. However, previous research demonstrates the frequency of using the technology tools among the teachers is still at a low level. With this unprecedented situation of the pandemic and the advancement of the Fourth Industrial Revolution (IR 4.0), this concept paper is more relevant to address. The level of digital leadership practices is going to be examined by using the Digital Leadership Measurement Model proposed by Yusof et al. (2019). This paper proposes a cross-sectional survey design where the participants are the principals of the secondary school and the headmasters of the primary schools from the central region of Malaysia (Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya). The findings of the study can serve as a guideline for the Ministry of Education Malaysia in organizing suitable leadership programs. Hence, digital leadership characteristics can be developed to strengthen school performance and improve students' achievement.

Keywords: *Digital leadership, Digital technology, Online instructional, Principals*

**HUBUNGAN DI ANTARA KOMITMEN ORGANISASI, ANALISIS KEPERLUAN LATIHAN DAN
KEBERKESANAN LATIHAN: MENANGANI PERUBAHAN NORMA BAHARU**

Normah Karmani

Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands
Kementerian Pendidikan Malaysia
normahkarmani@iab.edu.my

Abstrak

Modal insan merupakan aspek utama dalam pembangunan dan pertumbuhan organisasi. Pelaburan yang tinggi dilaburkan oleh organisasi bertujuan untuk menyediakan modal insan yang mempunyai ciri penciptaan nilai dan kelebihan daya saing khususnya ketika berhadapan situasi pandemik mahupun endemik ketika ini. Oleh itu, terdapat keperluan untuk memahami lebih mendalam berkaitan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang menyumbang kepada kesan terhadap keberkesanan latihan yang diberikan oleh organisasi. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kerangka konseptual model bagi keberkesanan latihan yang diterima staf organisasi. Antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang terlibat adalah Komitmen Organisasi, Analisis Keperluan Latihan dan Keberkesanan Latihan dalam kalangan pensyarah. Model Kirkpatrick telah dijadikan asas dalam kajian ini. Komitmen organisasi serta analisis keperluan Latihan ini berupaya meningkatkan keberkesanan latihan pensyarah selepas menjalani latihan. Implikasi kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat tambahan dalam teori Komitmen Organisasi serta Keberkesanan Latihan di samping memberikan garis panduan program peningkatan latihan dan profesionalisme yang jelas untuk pemimpin pengetua, sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kata kunci: *Komitmen Organisasi, Analisis Keperluan Latihan, Keberkesanan Latihan*



TEKNOLOGI PENDIGITALAN MEMACU KECEMERLANGAN PENGURUSAN SEKOLAH DAN KEPIMPINAN DISTRIBUTIF: APLIKASI MySG@TTDIJ

Maznah binti Zaini
SK Taman Tun Dr. Ismail Jaya
zaini.maznah@yes.my

Abstrak

Amalan terbaik ini membincangkan Program Pendigitalan Pengurusan Kecemerlangan (3PK) bagi menangani isu kekangan kepimpinan distributif di SK Taman Tun Dr. Ismail Jaya, Subang, Selangor merujuk My School Governance (MY SG). Berdasarkan alat PILL dan SWOT, perancangan 3PK ini bermula dengan mengenal pasti guru-guru dan kekuatan mereka, menubuhkan pasukan 3PK, menguruskan persekitaran pembelajaran profesional melalui kursus perancangan secara berkala dan perbengkelan di bawah GB sebagai pembimbing utama dan pasukan 3PK. Rujukan sumber utama ialah MySG dengan menggunakan alat pengurusan PILL dan SWOT. Objektif amalan terbaik ini ialah 'memindahkan' MySG kepada Pengurusan Digital untuk memudahkan pengurusan supaya komponen dalam MySG diaplikasikan secara menyeluruh dan berimpak. Pelaksanaan program melibatkan bimbingan pasukan bermula dengan agihan peranan GPK, guru malah pasukan AKP. Impak 3PK ialah pasukan yang berperanan bermula dengan SLT, MLT, guru sehinggalah AKP mengaplikasikan Google Sites dan Google Form mengikut bidang masing-masing, bimbingan tugas guru lebih berfokus dan standard mentadbir berasaskan data. Guru lebih berautonomi dan dapat berkarya dalam dashboard 3PK. Ibu bapa dapat memberikan respon berkaitan ketidakhadiran anak dan membuat temu janji dengan guru merujuk PBD. Dashboard contoh pengurusan program adalah kamus rujukan kepada sekolah-sekolah lain. Justeru, 3PK@TTDIJ berdasarkan MySG berpotensi dibudayakan dalam kepimpinan distributif di sekolah-sekolah Malaysia.

Kata kunci: 3PK@TTDIJ, MySG, kepimpinan distributif, SLT, MLT

VUCA DAN PESTEL MENANGANI ISU DALAM PENGURUSAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN DI IPG KAMPUS DATO' RAZALI ISMAIL

Mas Norbany binti Abu Samah, PhD

Yuslaini binti Yunus, PhD

IPG Kampus Dato' Razali Ismail

masnorbany@ipgm.edu.my

Abstrak

Sebuah organisasi sentiasa berada dalam lingkungan yang dinamik dan sering menuntut perubahan agar sejajar dengan Revolusi Industri 4.0. Konsep VUCA yang diperkenalkan merangkumi *Volatility, Uncertainty, Complexity* dan *Ambiguity*. Organisasi perlu mengutamakan fleksibiliti, adaptasi dan penekanan terhadap produktiviti sebagai strategi dalam menghadapi VUCA. Reka bentuk VUCA dalam pengurusan organisasi ialah organisasi pembelajaran yang merangkumi elemen kognitif, afektif dan emosi. Kajian ini menggunakan data latihan dalam perkhidmatan dan mencadangkan penyelesaian isu yang dihadapi di IPG Kampus Dato' Razali menggunakan VUCA dan PESTEL. PESTLE merupakan satu kerangka analisis yang digunakan untuk mengenal pasti pelbagai faktor seperti politik, ekonomi, sosial, teknologi dan faktor persekitaran yang dapat memberi kesan kepada organisasi. Pemimpin organisasi tersebut perlu mengenal pasti risiko-risiko yang akan dihadapi dan menggunakan semua faktor dan pengetahuan ini untuk membuat keputusan bagi peningkatan prestasi organisasi. Dapatan kajian mendapati isu yang dihadapi dalam organisasi diselesaikan secara optimum dan berupaya mencapai objektif organisasi yang telah ditetapkan. Kecemerlangan organisasi dapat ditingkatkan menerusi aplikasi VUCA dan PESTEL serta kakitangan organisasi berupaya untuk mendepani masa depan.

Kata kunci: VUCA, PESTEL, organisasi, isu

EKUITI DAN KUALITI PEMBELAJARAN VIA PeKKa#BM**Ong Li Choo****Zalina Mohd Tahir, PhD**

Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar/Pudu, Kuala Lumpur

*peggyong09@gmail.com***Abstrak**

Tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberikan penekanan terhadap penguasaan literasi asas merupakan langkah bijak dalam usaha meningkatkan kemahiran berbahasa terutama dalam kalangan murid sekolah rendah. Namun, pandemik COVID-19 telah merubah landskap pembelajaran murid sehingga berlaku defisit pembelajaran, khususnya dalam penguasaan literasi asas Bahasa Melayu (KPM,2022) berikutan penyampaian kurikulum menerusi pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR) yang tidak menyeluruh. Bagi menyeimbangkan antara ekuiti dan kualiti pembelajaran murid berada di tahap yang baik, maka pegawai SISC+ dan SIP+ dari Pejabat Pendidikan Daerah Bangsar/Pudu telah berkolaboratif dengan pentadbir sekolah dan rakan strategik bmlearner.com untuk membantu murid menguasai literasi asas dengan baik. Selari dengan kemajuan teknologi digital dalam pendidikan, satu intervensi Penguasaan Kosa Kata Bahasa Melayu (PeKKa#BM) melalui platform pembelajaran digital telah dibangunkan. Tiga buah sekolah rendah yang melibatkan 278 murid Tahap 1 telah menjalani projek rintis PeKKa#BM, iaitu pembelajaran kosa kata Bahasa Melayu secara digital yang boleh diakses di mana-mana sahaja. Projek ini dijalankan selama lapan minggu bermula dari bulan Februari-April 2022. Guru mengajarkan kosa kata berdasarkan empat modul yang merangkumi 40 kosa kata, frasa dan ayat dalam bentuk tulisan, rakaman audio dan bahan grafik. Hasilnya didapati, 92 peratus murid terlibat berjaya menguasai semua kosa kata, frasa dan ayat dalam masa yang singkat. Projek ini secara langsung menjadi inovasi kepada rakan pembimbing dan sekolah. Akhirnya, hasrat untuk memacu pendidikan digital kepada murid dan guru dalam pendidikan seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) mampu dijayakan.

Kata kunci: *ekuiti, kualiti, kemahiran berbahasa, teknologi digital*

**MENILAI TAHAP KOMPETENSI PENDIDIKAN LUAR GPK KOKURIKULUM:
'WAY FORWARD' PEMANTAPAN PENGURUSAN PENDIDIKAN LUAR
FASA ENDEMIK COVID-19**

**Nik Jazwiri bin Johannis, PhD
Jamelaa Bibi binti Abdullah, PhD
Siti Monazairin binti Jelani**

Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands

Abstrak

Setelah dua tahun sistem pendidikan negara terkesan dengan pandemik COVID-19, baru-baru ini Kementerian Pendidikan Malaysia telah membenarkan aktiviti PdP dijalankan secara bersemuka apabila negara beralih ke fasa endemik. Ini termasuklah aktiviti Pendidikan Luar. Namun, bagi memastikan aktiviti Pendidikan Luar dapat berjalan dengan selamat dan terkawal, kompetensi pemimpin Pendidikan Luar di sekolah terutamanya GPK Kokurikulum dilihat sebagai aspek yang penting. Ini disebabkan oleh ketiadaan aktiviti Pendidikan Luar secara bersemuka dalam tempoh yang agak lama. Selain itu, GPK Kokurikulum juga merupakan pemimpin pendidikan yang dipertanggungjawabkan dalam MySG sebagai pentadbir program Pendidikan Luar di sekolah. Sehubungan itu, penulis melihat dengan menilai tahap kompetensi Pendidikan Luar dalam kalangan GPK Kokurikulum, jabatan boleh mengenal pasti jurang yang ada dalam memantapkan profesionalisme pegawai bertanggungjawab. Menerusi idea ini, penulis menyenaraikan tiga konstruk utama dalam menilai kompetensi pemimpin Pendidikan Luar iaitu hard skills, softs skills dan meta skills. Seterusnya, penulis ingin mencadangkan hubungan ketiga-tiga konstruk terhadap tahap pengurusan Pendidikan Luar GPK Kokurikulum dikenal pasti. Oleh yang demikian, dengan cadangan penilaian ini, suatu 'way forward' dapat disyorkan kepada jabatan sebagai bahagian latihan yang terlibat untuk memantapkan pengurusan Pendidikan Luar dalam kalangan GPK Kokurikulum pada fasa endemik.

Kata kunci: tahap kompetensi, Pendidikan Luar, pengurusan Pendidikan Luar

PENGUNAAN KIT SMART WUDUK 2.0 MOBILE GAMES DALAM MENINGKATKAN PENGAJARAN RUKUN WUDUK TERHADAP MURID TAHUN 1

Nur Azeeyatty binti Abdul Rahim
Ulya binti Saja @ Mearaj
 SK Kampung Tun Razak, Melaka
azeecute@gmail.com

Mohd Irwan bin Abdul Aziz
 SMA Assaiyidah Khadijah Serkam Darat, Melaka
cikguirwan150978@gmail.com

Abstrak

KIT SMART WUDUK 2.0 MOBILE GAMES (KSW 2.0 MOBILE GAMES) merupakan satu inovasi proses yang dibangunkan dengan tujuan menyediakan satu alat yang dibangunkan secara kreatif sebagai alternatif yang boleh digunakan oleh murid dalam penyelesaian subtopik bagi tajuk Wuduk, antaranya Rukun Wuduk dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 1 semasa pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) di era pandemik COVID-19. Ia digunakan bagi menggantikan KSW 2.0 Board Games yang digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka sebelum ini. Inovasi ini telah mengalami beberapa perubahan dari aspek prototaip dan produk yang dibina dari tahun 2018 sehingga 2021 berdasarkan refleksi semasa uji cuba dilaksanakan. Inovasi ini mempunyai beberapa kelebihan. Antaranya markah mudah dan cepat diakses oleh guru dan murid, tidak memerlukan kos yang tinggi seperti produk sebelum ini, kaedah penyimpan data yang lebih efisien dan boleh dimain bila-bila masa dan di mana-mana jua. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan dengan berpandukan kepada Model Gelung Kajian Tindakan oleh Model Kurt Lewin. Manakala, data dikumpulkan dengan menggunakan kaedah pemerhatian, rakaman video, hasil e-lembaran murid dan soal selidik yang dianalisis secara deskriptif. Penilaian melalui ujian rintis terhadap KSW 2.0 Board Games ini telah dijalankan terhadap 2000 orang murid semasa PdPR 3.0 2021 dan awal 2022. Hasil ujicuba mendapati bahawa inovasi ini berjaya menghasilkan jawapan 100% tepat. Dapatan ujicuba juga menunjukkan penjimatan masa dapat dikurangkan semasa murid menyelesaikan masalah. Manakala, ujicuba kepada guru-guru Pendidikan Islam khasnya sekolah di Negeri Melaka dan beberapa buah negeri umumnya mendapati bahawa penggunaan inovasi ini amat berkesan, mudah dan menyeronokkan selain dapat membantu mereka mengingati semula subtopik Wuduk dan dapat memaksimumkan proses pembelajaran murid secara keseluruhannya.

Kata kunci: *IR 4.0, Inovasi Lestari, Lebih Interaktif, QR code*

PERANAN KEPIMPINAN SEKOLAH DALAM MELESTARIKAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BILIK DARJAH DI DAERAH KUALA PILAH

Megat Affandi bin Ismail
Norhana binti Bakhary, PhD
Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Pilah

Abstrak

Surat Siaran KPM SPI. BIL. 14/2018 memberi pemakluman berkaitan pemansuhan amalan peperiksaan di sekolah rendah mulai 2019. Objektif pemansuhan adalah untuk memberikan fokus kepada konsep pembelajaran yang berorientasikan perkembangan murid, penekanan kepada nilai murni dan penguasaan kemahiran 4M. Sekolah diberi autonomi untuk mengenal pasti murid yang mengalami kesukaran menguasai kemahiran asas dan menyediakan intervensi yang sesuai. KPM juga telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) pada 2 Disember 2019. PBD merupakan proses yang berterusan dalam sesi PdP bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid terhadap matlamat kurikulum yang dihasratkan. Kutipan data PBD oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan pada November 2021 memberi gambaran bahawa perkembangan, kemajuan, kebolehan dan penguasaan murid berada pada tahap belum menepati Standard Pembelajaran yang ditetapkan dalam kurikulum. Berdasarkan data kutipan PBD dan tinjauan di lapangan, kajian ini dilaksanakan untuk melihat pengurusan pelaksanaan PBD oleh kepimpinan sekolah. Dapatan kajian menunjukkan kelemahan proses Penjaminan Kualiti merupakan satu daripada punca kelemahan pelaksanaan PBD di daerah Kuala Pilah. Sehubungan itu, beberapa intervensi telah dibangunkan bagi menyokong usaha memantapkan pelaksanaan PBD.

Kata kunci: *Kepimpinan sekolah, tahap penguasaan, Pentaksiran Bilik Darjah, pembelajaran berorientasikan perkembangan murid, Standard Pembelajaran*

KEPIMPINAN DIGITAL GURU BESAR DAN HUBUNGANNYA TERHADAP EFIKASI KENDIRI GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH KOTA BELUD

Jessica Edward

PPD Kota Belud

jessica.edward@moe.gov.my

Mohd. Fadzli bin Abd. Rozan

Mokilau Rudin

PPD Kota Belud

fadzli.rozan@moe.gov.my

Abstrak

Landskap seorang pemimpin telah berubah seiring dengan perkembangan teknologi semasa khususnya dalam bidang pendidikan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui hubungan antara kepimpinan digital guru besar dengan efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Kota Belud. Kajian berbentuk kuantitatif deskriptif ini dijalankan secara tinjauan melalui edaran soal selidik yang direka bentuk berasaskan dua instrumen, iaitu instrumen kepimpinan digital diadaptasi dari *Principal Technology Leadership Assessment* (PTLA) dan instrumen efikasi sendiri guru diadaptasi daripada *Teacher Sense of Efficacy Scale* (TSES). Data dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 26. Berdasarkan keputusan ujian Korelasi Pearson mendapati terdapat hubungan positif yang signifikan antara kepimpinan digital guru besar dan efikasi sendiri guru sekolah rendah di daerah Kota Belud. Hal ini bermakna, apabila skor min kepimpinan digital guru besar adalah tinggi, maka skor min efikasi sendiri guru juga dilaporkan tinggi. Walaupun hubungannya sederhana, namun faktor kepimpinan adalah elemen utama kepada peningkatan efikasi sendiri guru. Implikasi kajian ini membawa mesej yang jelas kepada pengurus kurikulum dan pendidikan bahawa gabungan aspek efikasi sendiri guru dan kepimpinan digital guru besar adalah penting dalam memastikan PdP yang disampaikan oleh guru adalah berkesan dan bermakna lebih-lebih lagi dalam tempoh pelaksanaan PdP norma baharu iaitu, aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

Kata kunci: *Kepimpinan Digital Guru Besar, Efikasi Kendiri Guru, Pengajaran dan Pembelajaran*

APLIKASI GOOGLE SITE MEMUDAHKAN SISTEM PENGURUSAN KAUNTER

Mohamad Jalil bin Mohamad Yunus

Arbain bin Pinni

Zulhilmi bin Yusof

Noraishah bin Md Said

Zanariah Zarina binti Ahmad Tarmizi

Khairaniswa binti Ja'afar

Mohd Fitri bin Omar@Ismail

Nurul Rahifah binti Othman

Sektor Pengurusan Sekolah Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Langat

Abstrak

Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Hulu Langat adalah antara PPD yang menerima lambakan pelanggan yang berurusan dan di kaunter pertukaran sekolah; sama ada sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Aplikasi Google Site ialah suatu platform yang dapat membantu pengurusan kaunter dengan memberikan maklumat umum kepada pelanggan secara terus sebelum berurusan di kaunter. Kaunter PPD Hulu Langat secara umumnya akan menerima pelanggan hampir mencecah 300 orang pelanggan sehari pada waktu puncak sekitar bulan Januari hingga April. Pelanggan yang hadir dalam pelbagai kategori, iaitu pertukaran dalam daerah, luar negeri, bersekolah semula dan pertukaran murid bukan warganegara. Penggunaan Google Site ini bertujuan menyampaikan maklumat umum kepada pelanggan. Dalam aplikasi ini dimuatkan sistem janji temu kaunter untuk pelanggan mendapatkan tarikh janji temu urusan di kaunter, maklumat dokumen yang diperlukan dan lokasi PPD Hulu Langat secara 'Google Map'. Tinjauan awal dibuat mendapati kesesakan berlaku di kaunter semasa waktu puncak antara bulan Januari hingga April setiap tahun. Pendekatan sistem janji temu dibuat pada peringkat awal untuk membantu pengurusan kaunter. Seterusnya, pendekatan Aplikasi Google Site ini dilanjutkan bagi memudahkan penyampaian maklumat kepada pelanggan. Jumlah kehadiran pelanggan dapat dikawal dan pelanggan berasa mudah apabila maklumat yang diperlukan dapat dicapai melalui aplikasi ini. Apabila kehadiran pelanggan dapat dikawal, pelanggan dapat diberi layanan yang lebih baik dan mesra.

Kata kunci: Platform, Pengurusan Kaunter, Waktu Puncak

PENGURUSAN PENDIGITALAN PEMANGKIN KEMANTAPAN DAN KUALITI KUNJUNG BIMBING DAN SOKONGAN DI DAERAH SEPANG

Ishak bin Abdullah
Siti Aishah binti Aziz
Noraya Elya@Asma binti Mohamad
Pejabat Pendidikan Daerah Sepang

Abstrak

Isu utama kertas laporan ini membincangkan amalan terbaik tentang kepentingan pengurusan pendigitalan dalam memantapkan pelaksanaan kunjung bimbing dan sokongan (KBS) sektor pembelajaran yang dijalankan di Daerah Sepang. Projek di bawah program Asal Lain Orang, Suka Senada Sepakat Seiring (ALOS 3S) ini dinamakan sebagai *MyKBclick* V2.0. Selain daripada kepentingan pengurusan dalam penyimpanan data, *MyKBclick* V2.0 ini juga dapat mengklasifikasi kategori KBS sama ada KBS menyasarkan SKPMg2 Standard 3 atau Standard 4.1 serta laporan KBS khas berdasarkan arahan semasa. Kertas laporan ini juga membincangkan amalan terbaik pendigitalan yang dilakukan oleh pegawai dalam menjadikan KBS ke sekolah sebagai satu pendekatan yang mantap dan mesra pelanggan bagi membantu meningkatkan kualiti pengurusan terhadap laporan bimbingan dan sokongan kepada guru-guru. Maklum balas terhadap pegawai boleh dilakukan secara terus oleh guru-guru setelah KBS selesai. Empat proses kerja yang lengkap dalam pengurusan KBS dan dibincangkan dalam penulisan ini. Empat proses kerja itu ialah rancang (*plan*), laksana (*do*), semak (*check*) dan tindakan (*action*). Laporan KBS ini disemak/ dipantau oleh Pegawai Pendidikan atau Timbalan dengan memberi tindak balas secara terus kepada pegawai terlibat. Impaknya segala laporan dan tindak balas terkumpul dalam satu platform yang mudah diakses untuk tujuan tindak susul yang pantas dan membolehkan penambahbaikan dilakukan dari sesemasa ke semasa. Oleh itu, pencapaian pengurusan melalui Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah (PKPPD), guru melalui SKPMg2 dan murid melalui pentaksiran/peperiksaan awam menampakkan peningkatan setiap tahun. Amalan baik pengurusan pendigitalan ini dikembang kepada semua sektor di PPD dan pihak sekolah. Kami teruskan amalan baik yang mesra, mudah, cepat dan selamat. Asal Lain Orang Suka, Senada Sepakat Seiring. PPD Sepang Peneraju Transformasi.

**PENGUNAAN APLIKASI DATA STUDIO DALAM PENGURUSAN PENDAFTARAN
PELAJAR BAHARU KOLEJ MATRIKULASI LABUAN SEMASA TEMPOH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Masah bin Abu Mansor
Zaenah binti Suhaili
Zaherah binti Abdul Rahim
Zaliza binti Bandon
Nazaruddin bin Zakaria
Kolej Matrikulasi Labuan
masah@kml.matrik.edu.my

Abstrak

Pengurusan pendaftaran pelajar baharu sesi 2021/2022 dilaksanakan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perjumpaan secara bersemuka sepanjang sesi pendaftaran pelajar baharu dihadkan berdasarkan SOP yang telah ditetapkan. Data-data pelajar baharu melibatkan pelbagai maklumat perlu diuruskan dalam masa yang telah ditetapkan. Data Studio adalah satu aplikasi yang digunakan dalam kajian ini untuk mengurus data-data yang kompleks dan menyediakan satu pelaporan mengikut keperluan yang telah ditetapkan dengan mudah, cepat, berkesan dan menarik. Aplikasi Data Studio telah memudahkan warga kolej mendapatkan maklumat sepanjang minggu pendaftaran dan sebagai persediaan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kajian pada masa akan datang dicadangkan memperluaskan penggunaan aplikasi Data Studio dalam beberapa aspek seperti pengurusan akademik dan peperiksaan.

STRATEGI PANITIA DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN DALAM MATEMATIK TAMBAHAN MELALUI MODEL DIMENSI PEMBELAJARAN MARZANO DALAM TEMPOH PKP

Mohamad Nizam Arshad, PhD

Muhamad Azhar Stapa, PhD

Nik Abdullah Nik Abdul Kadir

Nor Kamsiah Jaapar

Shahrizan Ariffin

Wan Abdullah Wan Ahmad

Mohd Safri Ishak

Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands

Kementerian Pendidikan Malaysia

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan tahap penguasaan Penaakulan Matematik murid tingkatan lima bagi topik Pembezaan yang terkandung dalam Matematik Tambahan. Peserta kajian terdiri daripada 31 orang pelajar yang dipilih secara pesampelan bertujuan di sebuah sekolah menengah berasrama penuh di Pahang. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimental *one group pretest-posttest design* dan *single group time series design*. Ujian pra diberikan kepada peserta kajian terlebih dahulu dan diikuti dengan beberapa pengulangan penilaian sebelum ujian pos diberikan. Satu set Ujian Penaakulan Soalan Pembezaan (UPSP) dan 10 set aktiviti pembelajaran pembezaan terancang yang dimodifikasikan daripada *Rubric for Specific Task of Situations Marzano* (1992) yang diubah suai daripada Dimensi Memperluas dan Menyempurnakan Pengetahuan Marzano (1992) telah digunakan untuk pengumpulan data. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan min, julat, nilai maksimum dan minimum, ujian-t sampel berpasangan dan ANOVA pada aras signifikan 0.05. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan Tahap Penaakulan Matematik (TPM) pelajar bagi ujian-t sampel berpasangan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan skor min TPM sebelum dan selepas pembelajaran menggunakan Strategi Penaakulan Pembezaan (SPP) ($t=-27.47$; $p < 0.05$). Min skor peningkatan bagi komponen TPM sebelum dan selepas pembelajaran menggunakan SPP juga meningkat iaitu membanding beza ($M=2.32$), mengklasifikasi ($M=2.65$), induktif ($M=2.65$) dan deduktif ($M=2.39$). Melalui ujian-t sampel berpasangan bagi Tahap Komponen Penaakulan Matematik (TKPM) sebelum dan selepas pembelajaran menggunakan SPP mempunyai perbezaan tahap yang signifikan dalam empat komponen penaakulan iaitu membanding beza [$(31)=-22.097$, $p<0.05$], mengklasifikasi [$(31)=-32.416$, $p<0.05$], induktif [$(31)=-38.325$, $p<0.05$] dan deduktif [$(31)=-26.843$, $p<0.05$]. Selanjutnya, hasil dapatan ANOVA satu hala bagi TKPM, hanya tahap membanding beza pelajar terhadap ujian Pos₃-Pos serta tahap induktif pelajar terhadap ujian Pos₁-Pos₂ dan Pos₂-Pos₃ yang tidak menunjukkan perbezaan min yang signifikan terhadap keputusan ujian tersebut. TKPM yang lain mendapati bahawa setiap intervensi yang dijalankan menunjukkan perbezaan min yang signifikan.

Kata kunci: Penaakulan Matematik, Pembezaan, Model Dimensi Memperluas dan Menyempurnakan Pengetahuan, Membanding Beza, Mengklasifikasi, Induktif dan Deduktif, Topik Pembezaan

EKUITI PEMBELAJARAN 3 BUAH SEKOLAH MENENGAH PEDALAMAN KENINGAU DENGAN MENGGUNAKAN ASM (ACADEMIC STRATEGIC MAPPING)

Laimah Sungap, PhD
Pejabat Pendidikan Daerah Keningau

Abstrak

Ekuiti pembelajaran merupakan objektif penting dalam sistem pendidikan iaitu memastikan kesaksamaan dalam keberhasilan murid tanpa mengira latar belakang lokasi, gender mahupun status sosioekonomi. Oleh itu, kesaksamaan dalam sistem pendidikan dijadikan salah satu agenda dalam Pelan Perancangan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025). Antara yang memainkan peranan dalam usaha merealisasikan kesaksamaan dalam pendidikan dengan merapatkan jurang pencapaian akademik antara bandar dan luar bandar, lelaki dan perempuan serta status sosioekonomi ialah ketua panitia (KP). Peranan KP dirujuk berdasarkan SPI Bil 4/986. KP merupakan pengurus kurikulum terfokus bagi satu-satu mata pelajaran sudah seharusnya mempunyai amalan pengurusan dalam kepanitiaan untuk memastikan kecemerlangan mata pelajaran. Secara langsung, KP melaksanakan fungsi sebagai pengurus kurikulum untuk membantu sekolah mencapai objektif, misi dan visi kurikulum. KP berperanan penting untuk menggembelng tenaga ahli panitianya dan menyelaraskan aktiviti atau tugas mengajar, mewujudkan semangat bekerjasama, saling membantu, berkongsi fikiran, pengalaman dan kepakaran untuk memperbaiki lagi kecekapan serta kemahiran ahli-ahli panitianya. Bagi membantu KP memainkan peranan sebagaimana yang dijelaskan, SISC+ di daerah pedalaman Keningau sentiasa peka terhadap keperluan dari segi pembangunan profesionalisma secara berterusan (PPB/CPD) dalam kalangan KP. Sehubungan dengan itu, ASM direka cipta khas untuk membimbing dan membantu KP Mata Pelajaran di bawah Unit Sains Sosial Pejabat Pendidikan Daerah Keningau di 3 buah sekolah menengah merancang dan melaksana program kecemerlangan akademik lebih sistematik. ASM merupakan panduan KP merancang untuk menangani isu berkaitan dengan mata pelajaran di bawah panitia masing-masing. ASM mengandungi lima pelan atau panduan (P1-P5) untuk merancang, mengenal pasti dan melaksana, menangani isu-isu serta mengesan keberkesanan perancangan. Pelan yang dimaksudkan iaitu P1 menetapkan TOV berdasarkan *headcount*, P2 mengenal pasti isu, intervensi atau pengekalan, P3 menetapkan perbatuan, P4 merupakan pelan risiko dan P5 mengenal pasti kesediaan pelajar seterusnya keberkesanan perancangan. Dengan kandungan yang sedemikian, ASM dapat dianggap sebagai satu medium untuk memastikan ekuiti dalam pembelajaran berlaku dengan saksama pada masa yang sama melestarikan PPB/CPD dalam kalangan KP. ASM juga menjadi pengantara kejelekitan hubungan antara PPD dan sekolah.

Kata kunci: ASM, Ekuiti Pembelajaran, Ketua Panitia



SENARAI AHLI JAWATANKUASA INDUK SEMINAR NASIONAL PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN KE-29 TAHUN 2022

Penaung:	YBhg. Datuk Hajah Nor Zamani binti Abdol Hamid Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Penasihat:	YBrs. Dr. Hj. Ahmad Rafee bin Che Kassim Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan
Pengerusi:	YBhg. Dato' Dr. Hj. Tajuddin bin Mohd Yunus Pengarah Institut Aminuddin Baki
Timbalan Pengerusi 1:	YBrs. Dr. Hj. Abd. Razak bin Manaf Timbalan Pengarah Kanan (Kluster Khidmat Profesional)
Timbalan Pengerusi 2:	YBrs. Dr. Harery Abu Saad Timbalan Pengarah Kanan (Kluster Khidmat Latihan)
Timbalan Pengerusi 3:	Encik Amir Zakri bin Mahmad Mahyidin Pendaftar
Setiausaha:	YBrs. Dr. Ekerim a/p Din Chen Ketua Pusat Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan
Penolong Setiausaha 1:	Puan Ng Lee Ching Pensyarah Kanan Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi
Penolong Setiausaha 2:	Encik Mohamad Hanif bin Ramli@Fauzi Ketua Jabatan Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi
Penolong Setiausaha 3:	Puan Zuriah binti Mad Ali Pensyarah Kanan Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi
Bendahari:	Puan Noor Azura binti Mohd. Azhar Akauntan Institut Aminuddin Baki
Urus Setia:	Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan

BIL.	JAWATANKUASA	NAMA
1	Jawatankuasa Pendaftaran Jawatankuasa Buku Program dan Prosiding Seminar	YBrs. Dr. Ekerim a/p Din Chen Ketua Pusat Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan
2	Jawatankuasa Protokol (Sambutan VVIP/VIP dan <i>Floor manager</i>)	Encik Norazmir bin Ahmad Menjalankan Tugas Ketua Pusat Pusat Pembangunan Komuniti
3	Jawatankuasa Promosi (<i>Website</i> , Skrip Siaran, Seranta dan Media, <i>Bunting & Banner</i>)	Encik Abdul Mu'ti bin Ahmad Ketua Pusat Pusat Pembangunan Dasar dan Inovasi (PPDI)
4	Jawatankuasa Teks Ucapan dan Kata Alu-aluan Jawatankuasa Juruacara dan Pembaca Doa	YBrs. Dr. Sham bin Ibrahim Ketua Pusat Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan
5	Jawatankuasa Kertas Pembentangan Selari	YBrs. Dr. Redzuan bin Jantan Ketua Pusat Pusat Penyelidikan dan Penilaian
6	Jawatankuasa Penilaian Seminar	YBrs. Dr. Rohana binti Abdul Rahim Ketua Pusat Pusat Pentaksiran dan Pembangunan Bakat
7	Jawatankuasa Pendaftaran Jawatankuasa Teknikal, Multimedia dan Pembentangan <i>online/Bengkel</i> , <i>Live streaming</i> Perasmian/ Penutupan (JKTMP)	Puan Hajah Faridah binti Mohamed Zain Ketua Pusat Pusat Pembangunan dan Pengurusan Teknologi
8	Jawatankuasa Forum dan Ucaptama	Puan Hamsiah binti Mohd Dahalan Ketua Pusat Pusat Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan



BIL.	JAWATANKUASA	NAMA
9	Jawatankuasa Teknikal, Multimedia dan Pembentangan <i>online/Bengkel/ Live streaming</i> Perasmian/ Penutupan (JKTMPP) Jawatankuasa Pembentangan Selari dan Pelaporan Jawatankuasa Jamuan dan Saguhati / Cenderamata VVIP/VIP Jawatankuasa Kebajikan, Keselamatan, Penginapan dan Pengangkutan Jawatankuasa Tempat dan Sijil Jawatankuasa Protokol (Sambutan VVIP/VIP dan <i>Floor Manager</i>)	Encik Zainuren bin Haji Mohd Nor Pengarah IAB Cawangan Genting Highlands
10	Jawatankuasa Buku Program dan Prosiding Seminar Jawatankuasa Pembentangan Selari dan Pelaporan Jawatankuasa Teknikal, Multimedia dan Pembentangan <i>online/Bengkel/ Live streaming</i> Perasmian/ Penutupan (JKTMPP)	YBrs. Dr. Haji Joohari bin Ariffin Pengarah IAB Cawangan Utara
11	Jawatankuasa Teknikal, Multimedia dan Pembentangan <i>online/Bengkel/ Live streaming</i> Perasmian/ Penutupan (JKTMPP)	Puan Khaziyati binti Osman Pengarah IAB Cawangan Sabah
12	Jawatankuasa Teknikal, Multimedia dan Pembentangan <i>online/Bengkel/ Live streaming</i> Perasmian/ Penutupan (JKTMPP)	Puan Judah binti Ahmad Pengarah IAB Cawangan Sarawak
13	Jawatankuasa Jemputan VVIP/VIP (Perasmi, Ucaptama, Pembentang Jemputan dan Panel Forum) Jawatankuasa Tempat dan Sijil Jawatankuasa Kewangan Jawatankuasa Kebajikan, Keselamatan, penginapan dan Pengangkutan	Encik Amir Zakri bin Mahmad Mahyidin Pendaftar
14	Urus setia	Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA
SEMINAR NASIONAL PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PENDIDIKAN KE-29**

Penaung:	YBhg. Dato' Dr. Hj. Tajuddin bin Mohd Yunus Pengarah
Penasihat 1:	YBrs. Dr. Hj. Abd. Razak bin Manaf Timbalan Pengarah Kanan (Kluster Khidmat Profesional)
Penasihat 2:	YBrs. Dr. Harery bin Abu Saad Timbalan Pengarah Kanan (Kluster Khidmat Latihan)
Penasihat 3:	En. Amir Zakri bin Mahmad Mahyidin Pendaftar
Pengerusi:	YBrs. Dr. Ekerim a/p Din Chen Ketua Pusat Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan
Timbalan Pengerusi:	Encik Zainuren bin Haji Mohd Nor Pengarah IAB Cawangan Genting Highlands
Setiausaha:	Pn. Ng Lee Ching Pensyarah Kanan Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi
Penolong Setiausaha 1:	En. Mohamad Hanif bin Ramli@Fauzi Ketua Jabatan Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi
Penolong Setiausaha 2:	Pn. Zuriah binti Mad Ali Pensyarah Kanan Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi
Bendahari:	Pn. Noor Azura binti Mohd Azhar Akauntan IAB
Urus Setia:	Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan



BIL.	JAWATANKUASA	SENARAI TUGAS
1	Jawatankuasa Pendaftaran Ketua Pusat Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan Ketua Pusat Pusat Pembangunan dan Pengurusan Teknologi	Ketua Jawatankuasa/ Penyelaras Urus setia: En. Mohamad Hanif bin Ramli@Fauzi Senarai AJK: 1. Pn. Zuriah binti Mad Ali 2. Cik Nor Ishsan binti Ab Razak 3. Pn. Norhasnida binti Rejab 4. Pn. Emy Harlina binti Ibrahim 5. Pn. Normah binti Mohamad Idzhar 6. Pn. Sabariah binti Ab Ghani 7. En. Mohd Fairous bin Mohd Shis 8. Pn. Muhaini bin Mohd Zain 9. Cik Amirah binti Mohamad Chandran 10. Pn. Nor Shuhadariza binti Maidin 11. En. Mohamad Sabree bin Senin 12. En. Ekhwan bin Besah @ Sitam 13. En. Shahrul Nizam bin Salim Event Manager (EM): Pn. Ng Lee Ching
2	Jawatankuasa Protokol (Sambutan VVIP/VIP dan <i>Floor manager</i>) Ketua Pusat Pusat Pembangunan Komuniti Pengarah IAB Cawangan Genting Highlands	Ketua Jawatankuasa: En. Mohd Solehan bin Ahmad Shah Senarai AJK: PPK 1. En. Zulfikar Husni bin Shamsul Khalil 2. En. Nasharuddin bin Md Daud 3. En. Zuhazmi bin Zakaria 4. Pn. Hani Rashika binti Mohd Salleh 5. En. Alias bin Mohamed Naim 6. En. Nurhairi bin Mohd Nor 7. Pn. Nafishah binti Md Noor IABCGH 1. En. Mat Zizi bin Ismail (K) 2. En. Mohd Yusof bin Ahmad 3. En. Heilmann bin Zulkifli 4. Dr. Indera Syahril bin Ismail 5. En. Syahrizan bin Ariffin 6. En. Wan Abdullah bin Wan Ahmad 7. Pn. Siti Khadijah binti Ariffin 8. Pn. Issma Izaili binti Zamri 9. Dr. Nitce Isa Medina binti Machmudi Isa Floor Manager (FM): Pn. Hasmiah binti Mohd Ramli Penyelaras Urus setia: Cik Nor Ishsan binti Ab Razak

BIL.	JAWATANKUASA	SENARAI TUGAS
3	Jawatankuasa Jemputan VVIP/VIP (Perasmi, Ucaptama, Pembentang Jemputan dan Panel Forum) Pendaftar Unit Pengurusan Perhubungan Perhubungan Pelanggan	Ketua Jawatankuasa: Ts. Noorul Hidayah binti Yusoff Senarai AJK: 1. Pn. Noor Haniza binti Abdul Halim 2. Pn. Mazwin binti Ahmad 3. Pn. Norlinda binti Hashim 4. Pn. Suriani binti Abdul Rani 5. Pn. Nur Fatimah binti Awang Da Penyelaras Urus setia: Pn. Zuriah binti Mad Ali
4	Jawatankuasa Jamuan dan Saguhati / Cenderamata VVIP/VIP Ketua Pusat Pusat Konsultasi dan Pembangunan Organisasi Pendidikan Pengarah IAB Cawangan Genting Highlands	Ketua Jawatankuasa: Pn. Hjh. Faizatoen binti Hj Zulkernain Senarai AJK: PKPOP 1. En.Muslimin bin Parman 2. En. Mohd Khairi bin Kassim 3. Pn. Siti Hadijah binti Alwi 4. Pn. Sarina binti Che Ariff 5. Dr. Salwati binti Shafee 6. Pn. Judith Eddie 7. Pn. Mazuin binti Mohamad 8. Pn. Noraini binti Gambor 9. Pn. Suhaila binti Abd.Rahman IABCGH 1. En. Abdul Wahib bin Muhammad Nasir (K) 2. Pn. Norlelawati binti Megat Rasidin 3. Pn. Norfadhilah binti Nasrudin 4. En. Azhari bin Ramli 5. Pn. Sheela Kumari Appana 6. Dr. Hani Syazilah binti Nordin 7. Dr. Normarina binti Abd.Rahman 8. Pn. Roslida binti Perak 9. Pn. Noraida binti Mohd Amin Penyelaras Urus setia: Pn. Norhasnida binti Rejab



BIL.	JAWATANKUASA	SENARAI TUGAS
5	Jawatankuasa Promosi (<i>Website</i>, Skrip Siaran, Seranta dan Media, <i>Bunting</i> & <i>Banner</i>) Ketua Pusat Pusat Pembangunan Dasar dan Inovasi (PPDI)	Ketua Jawatankuasa: Dr. Ahamad bin Hussin Senarai AJK: PPDI 1. En. Kanagarajan a/l Pandiyan 2. Pn. Netty Yushani binti Yusof 3. Cik Noraida binti Md Nor 4. Dr. Noraini binti Abdullah 5. Pn. Maryati binti Athan 6. Pn. Hj. Noor Zamimi binti Mohd Zahari 7. Dr. Wan Zaliha binti Wan Othman Penyelaras Urus setia: Pn. Emy Harlina binti Ibrahim
6	Jawatankuasa Teks Ucapan dan Kata Alu-aluan Ketua Pusat Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan	Ketua Jawatankuasa: Pn. Maznah binti Abdullah Senarai AJK: 1. Pn. Fadzilah binti Abdullah 2. Dr. Mislinah binti Makin 3. Pn. Norfadzlianawaty binti Mohd Fathel 4. Dr. Azlin binti Zainal Abidin 5. En. Zawahir bin Ismail 6. Cik Norziana binti Nasir 7. Pn. Masdiana binti Che Jamil Penyelaras Urus setia: Pn. Zuriah binti Mad Ali
7	Jawatankuasa Juruacara dan Pembaca Doa Ketua Pusat Pusat Pembangunan Kepimpinan Pendidikan	Ketua Jawatankuasa: Pn. Fadzilah binti Abdullah Senarai AJK: 1. Dr. Azlin binti Zainal Abidin 2. Dr. Zaharul bin Arifin 3. Dr. Nor Azman bin Mohamed 4. Dr. Hamidon bin Abd Rahman 5. Pn. Salmah binti Ismail Penyelaras Urus setia: Pn. Normah binti Mohamad Idzhar

BIL.	JAWATANKUASA	SENARAI TUGAS
8	Jawatankuasa Kertas Pembentangan Selari Ketua Pusat Pusat Penyelidikan dan Penilaian	Ketua Jawatankuasa: Dr. Shuhaida binti Shamsudin Senarai AJK: PPP 1. Dr. Wan Mohd Khairul bin Wan Isa 2. Pn. Haslina binti Said 3. Pn. Norkumalasari binti Othman 4. Dr. Zarina binti Md Yasin 5. Pn. Sharifah Nor binti Syed Abdul Rahman 6. En. Periasamy a/l Ramasamy 7. Pn. Zurinah binti Yunus 8. Tn. Hj. Shahrin bin Alias 9. Pn. Alida binti Ali 10. En. Shamsuri bin Jamil 11. En. Zairi bin Zainal Abidin 12. Pn. Suzana binti Zakaria 13. En. Dharmalingam a/l Vyapury Penyelaras Urus setia: Pn. Zuriah binti Mad Ali
9	Jawatankuasa Penilaian Seminar Ketua Pusat Pusat Pentaksiran dan Pembangunan Bakat	Ketua Jawatankuasa: En. Khairul Azuan bin Abdul Aziz Senarai AJK: PPPP 1. Dr. Noor Azzam Syah bin Mohamed 2. Dr. Wan Rosmini binti Hassan 3. Pn. Aribah binti Ishak 4. En. Mohd Nazri bin Ibrahim 5. En. Moktar bin Mokri 6. Pn. Marsilah Anum binti Marham 7. Pn. Noor Salwana binti Khairullah 8. Cik Noraini binti Abd. Samad Penyelaras Urus setia: En. Mohamad Hanif bin Ramli@Fauzi

BIL.	JAWATANKUASA	SENARAI TUGAS
10	Jawatankuasa Teknikal, Multimedia dan Pembentangan <i>online</i>/ Bengkel/, <i>Live streaming</i> Perasmian/ Penutup (JKTMPP) Ketua Pusat Pusat Pembangunan dan Pengurusan Teknologi Pengarah IAB Cawangan Utara Pengarah IAB Cawangan Genting Highlands Pengarah IAB Cawangan Sarawak Pengarah IAB Cawangan Sabah	Ketua Jawatankuasa: En. Malek bin Baseri Senarai AJK: PPPT - En. Ekhwan bin Besah @ Sitam - Pn. Nur Hafiza binti Hamzah - Pn. Hazlita binti Hanapi - Pn. Wan Fadzlina binti Wan Mohd Azmi - En. Hisham bin Jamen - En. Mohd Jamri bin Mohd Nawawi - En. Aminurrizam bin Sabri IABCGH - Dr. Muhammad Azhar bin Stapa (K) - Dr. Norabeerah binti Saforrudin - En. Nik Abdullah bin Nik Abdul Kadir - En. Mohd Nizam bin Arshad - En. Wan Abdullah bin Wan Ahmad - En. Shahrizan bin Ariffin - Dr. Aziyah binti Mohd Yusof - Pn. Zubaidah binti Salamat - Dr. Noor Ashikin binti Mohd Yusop - En. Mohd Afendi bin Zulkifeli - Dr. Shanti Ramanlingam - En. Mohd Faizal bin Abdul Majid - En. Hasbarani bin Chin - En. Mohd Zailan binti Azizi IABCU - En. Fazil bin Ahmad (K) - En. Zamri bin Abu Bakar - En. Amirul bin Fadzil - En. Abdul Zharif bin Zulkifli - En. Mohd Apandi bin Ismail IABCSRWK Dr. Siti Nursheila binti Khairuddin Yap (K) - Pn. Dayang Hironi binti Awang Kipli - Pn. Ismmawati binti Semail - Pn. Adawati binti Suhaili - Pn. Phyllina Diana Morison - Pn. Yeo Siew Pey - En. Bahlya Sapee

BIL.	JAWATANKUASA	SENARAI TUGAS
		IABCSBH - En. Darussalam Nehemia Bonel Pantulusang (K) - Pn. Valerie Sinti - En. Robit bin Yusie Fus Han - Pn. Chin Siew Moi - Dr. Esmali bin Bari - Pn. Syarmila binti Ab. Latiff - Pn. Annilin Apat - Dr. Sainah Limbasan - Dr. Abd.Ghani bin Hj. Sani - Cik Nazirah binti Jaman Penyelaras Urus setia: Pn. Ng Lee Ching
11	Jawatankuasa Buku Program dan Prosiding Seminar Ketua Pusat Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan Pengarah IAB Cawangan Utara	Ketua Jawatankuasa/Penyelaras Urus setia: Pn. Norhasnida binti Rejab Senarai AJK: JPD (Buku Program) - En. Mohamad Hanif bin Ramli@Fauzi - Pn. Zuriah binti Mad Ali - Cik Nor Ishsan binti Ab Razak - Pn. Ng Lee Ching - Pn. Emy Harlina binti Ibrahim - Norhayati Aziz@Esa - Ruslawati binti Mat Isa IABCU (Prosiding) - En. Azman bin Abdan - Pn. Suzana binti Abdul Latif - Pn. Norleha binti Ibrahim - Pn. Suhaila binti Che Noh - Dr. Rozita binti Abdullah - En. Muhamad Mazlan bin Abdul Majid - En. Mohd Luqman Hidayat bin Ismail - En. Abd. Majid bin Taib - En. Abdul Azim bin Othman - Pn. Zainab binti Ali



BIL.	JAWATANKUASA	SENARAI TUGAS
12	Jawatankuasa Tempat dan Sijil Pendaftar Pengarah IAB Cawangan Genting Highlands	Ketua Jawatankuasa: En. Azwan bin Wamin Senarai AJK: Pejabat Pendaftar - En. Ahmad Juaidil Amin bin adenan - Pn. Maizatul Najiha binti Helmi - En. Mazalan bin Kamarudin - Ts. Ishak bin Ismail IABCGH - En Wan Farid bin Wan Yusof - Dr. Ramli bin Yaacob - Pn. Noor Baizura binti Harun - Dr. Jamilah binti Jaafar - En. Ahmad Sabri bin Abdullah - Dr. Hemathy Kunalan - En. Shamsul bin Mohamed Yusak - En. Mohd Firdaus bin Abdul Hamid - En. Wan Shamsuddin bin Wan Mohd Salleh - Dr. Azyan Zulaiha binti Hasan Basri - En. Zaharin bin Taha - Pn. Zarina Mizam binti Mohd Ismail - Dr. Nitce Isa Medina Machmudi Isa - Dr. Kalidas Machappan - Dr. Hamsiah binti Juki Penyelaras Urus setia: Pn. Normah binti Mohamad Idzhar
13	Jawatankuasa Pembentangan Selari dan Pelaporan Pusat Penyelidikan dan Penilaian Pengarah IAB Cawangan Genting Highlands Pengarah IAB Cawangan Utara	Ketua Jawatankuasa: Pn. Haslina binti Said Senarai AJK: PPP - Pn. Sharifah Nor binti Syed Abd Rahman - Pn. Norkumalasari binti Othman - En. Shamsuri bin Jamil - En. Periasamy a/l Ramasamy IABCGH - Pn Rohani binti Sadan (K) - Pn. Siti Monazairin binti Jelani - Pn. Sapinah binti Zakaria - Dr. Nor Aiza binti Zamzam Amin - Pn. Nur Fatimah binti Awang Da - Dr. Chew Moy Hua - Pn. Norazana binti Mohd Nor - En. Purusothman Vellaithan - Pn. Rashida binti Awang - En. Mohd Husni bin Ramli - Pn. Zauyati binti Zainal Mohamed Alias - Dr. Jamelaa Bibi binti Abdullah - En. Nik Jazwiri binti Johannis

BIL.	JAWATANKUASA	SENARAI TUGAS
		IABU (Pelaporan) 1. Dr. Mohd Nadzri bin Ishak (K) 2. Dr. Muhd Zulhilmi bin Haron 3. Dr. Maimunah binti Husien 4. Dr. Fakhri bin Abdul Khalil 5. En. Zuraidi bin Che Ya Penyelaras Urus setia: Cik Nor Ishsan binti Ab Razak
14	Jawatankuasa Forum dan Ucapnama Ketua Pusat Pusat Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan	Ketua Jawatankuasa Dr. James Ang Jit Eng Senarai AJK: Dr. Samsiah binti Si Rajab Penyelaras Urus setia: Pn. Ng Lee Ching
15	Jawatankuasa Kewangan Pendaftar	Ketua Jawatankuasa: Pn. Noor Azura binti Mohd Azhar Senarai AJK: 1. Pn. Razariah binti Radzali 2. En. Muhammad Rizal bin Abdullah
16	Jawatankuasa Kebajikan, Keselamatan, penginapan dan Pengangkutan Ketua Pusat Pusat Pengurusan dan Pentadbiran Pendidikan Pendaftar Pengarah IAB Cawangan Genting Highlands	Ketua Jawatankuasa: Dr. Ahmad Kamal bin Ariffin Senarai AJK: 1. Dr. James Ang Jit 2. Dr. Zaharul Arifin bin Md Zin 3. En. Hamizi bin Osman 4. En. Indran a/l Subrumanian 5. En. Khairulnahr bin Jamaluddin 6. En. Husney bin Hamzah 7. En. Arshad bin Md. Nor 8. En. Abdul Rashid bin Bidin 9. Pn. Rashinawati binti Abd Rashid 10. Pn. Norhuda binti Zaini 11. Pn. Yasmin binti Mohd Yunus 12. Pn. Nor Maria binti Najib 13. En. Shamsulnaha bin Md. Yunos 14. En. Mohd Shawaluddin bin Mohamed Yusoph 15. En. Mohamad Aliff bin Abd. Haris

BIL.	JAWATANKUASA	SENARAI TUGAS
		IABCGH 1. Pn. Faridah binti Mohamad (K) 2. Pn. Darliana binti Nordin 3. Dr. S. Sathiyabama Suprammaniam 4. Pn. Faridah binti Mohamed 5. Dr. Vickneswary a/p Paramaguru @ Vicky Tan Ai Lin 6. Pn. Normah binti Karmani 7. Pn. Nurzarina binti Ahmad Marekan 8. Pn. Siti Anidah binti Mahadi 9. En. Thanabal a/I M. Palanisamy 10. Pn. Rahayati binti Mohd Ramli 11. Pn. Nor Afidah binti Noor Saidon 12. Pn. Norfasila binti Yom 13. En. Zulkiflee bin Jalil 14. Pn. Hanisah binti Ismail Penyelaras Urus setia: En. Mohd Fairous bin Mohd Shis
17	Urus setia Ketua Pusat Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan	Ketua Jawatankuasa/ Penyelaras Urus setia: Dr. Ekerim a/p Din Chen Senarai AJK: 1. En. Mohamad Hanif bin Ramli@Fauzi 2. Pn. Zuriah binti Mad Ali 3. Cik Nor Ishsan binti Ab Razak 4. Pn. Ng Lee Ching 5. Pn. Norhasnida binti Rejab 6. Pn. Emy Harlina binti Ibrahim 7. Pn. Normah binti Mohamad Idzhar 8. Pn. Sabariah binti Ab Ghani 9. En. Mohd Fairous bin Mohd Shis 10. Pn. Muhaini binti Mohd Zain 11. Cik Amirah binti Mohamad Chandran 12. Pn. Nor Shuhadariza binti Maidin 13. En. Mohamad Sabree bin Senin

Sekalung Budi

Jawatankuasa
Seminar Nasional
Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-29
Merakamkan setinggi-tinggi penghargaan
dan ucapan terima kasih kepada:

Menteri Kanan Pendidikan Malaysia
Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia
Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Semua Setiausaha Bahagian dan
Pengarah Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia

Semua Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri
Yayasan Guru Tun Hussein Onn
Yayasan Hasanah
Kelab Kebajikan dan Rekreasi IAB (KKRIAB)
PUSPANITA IAB
Media Massa

Serta semua pihak yang turut memberi sumbangan dan kerjasama
bagi menjayakan seminar ini



**Untuk maklumat lanjut,
sila imbas Kod QR di atas:**